

Bab 5

Pendidikan

Dalam tempoh 1948-1960 turut menyaksikan banyak perubahan dalam aspek pendidikan di Tanah Melayu. Pendidikan amat penting dalam membentuk sahsiah dan memupuk kesedaran kebangsaan di kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbagai kaum dengan latar belakang yang berbeza. Pada zaman ini, memperlihatkan perubahan dalam dasar pendidikan yang semakin cenderung ke arah menyatupadukan berbagai kaum di Tanah Melayu sebagai salah satu langkah menuju ke arah kemerdekaan. Selain itu, kesedaran juga timbul tentang kepentingan pendidikan sebagai alat menanam perasaan ketanah Melayuan dan mengalih perhatian penduduk kepada usaha kerajaan membanteras keganasan daripada menyokong pengganas komunis. Dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa peristiwa darurat turut mencorakkan perkembangan pendidikan penduduk Tanah Melayu dan membawa kesedaran bahawa pentingnya melahirkan penduduk yang bersatu padu.

Di Tanah Melayu, sebelum Perang Dunia Kedua, wujud empat sistem persekolahan atau aliran pendidikan yang berbeza.¹ Sistem persekolahan itu ialah sekolah Inggeris, sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah India.² Sekolah Inggeris boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, sekolah Inggeris di bawah naungan dan sokongan kerajaan. Ia lebih dikenali sebagai *Free School*. Sekolah ini terbuka kepada kanak-kanak dari semua bangsa tanpa mengambil kira perbezaan agama dan warna kulit. Sekolah jenis ini kebanyakannya terletak di bandar dan menyediakan pendidikan barat dengan menggunakan bahasa Inggeris. Sekolah Inggeris ini bertujuan untuk melatih anak-anak negeri bagi memenuhi atau mengisi jawatan kecil dalam hirarki terbawah

perkhidmatan kerajaan. Sekolah Inggeris yang kedua jenis adalah ditubuhkan atas usaha dan inisiatif badan mubaligh Kristian yang datang ke Tanah Melayu. Sekolah ini ditubuhkan dan dikenalkan sama ada oleh Persatuan Mubaligh London, Kumpulan Roman Katolik, Kumpulan Methodist atau Gereja England. Tujuan penubuhan sekolah ini ialah untuk meningkatkan taraf moral dalam kehidupan berdasarkan prinsip agama Kristian.³

Secara tradisi, masyarakat Melayu menghantar kanak-kanak mereka untuk mendapatkan pendidikan agama sama ada di pondok, rumah guru atau surau. Ini merupakan pendidikan asas bagi seorang kanak-kanak Melayu.⁴ Sekolah Melayu bermula pada separuh pertama abad ke-19 dan disediakan secara percuma oleh British. Kecenderungan pihak British terhadap pendidikan orang Melayu pada masa itu kerana mengenangkan bahawa orang Melayu adalah penduduk tetap negara ini, sedangkan orang Cina dan India adalah kaum pendatang yang akhirnya akan pulang ke negara asal mereka. British juga berasa adalah tanggungjawabnya terhadap kaum Melayu yang merupakan penduduk asal Tanah Melayu yang kini berada di bawah kekuasaan mereka.⁵ Namun demikian, sekolah itu tidak banyak membawa perubahan dalam kehidupan orang Melayu. Ini kerana kurikulum sekolah Melayu bertujuan untuk mengekalkan kanak-kanak Melayu dalam sektor pertanian dan perikanan atau menjadi petani dan nelayan. Oleh kerana itu, melukis, berkebun, membuat tikar dan jaring adalah di antara kurikulum yang diajar kepada kanak-kanak lelaki. Manakala menjahit, memasak dan membuat bakul ditetapkan untuk kanak-kanak perempuan. Sebagai tambahan, mereka juga diajar ilmu kira-kira, membaca dan menulis yang membolehkan mereka untuk menguruskan akaun yang mudah ketika berurusan dengan pekedai atau majikan mereka.⁶ Bahkan pada tahun 1920, Ketua Setiausaha bagi Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengumumkan bahawa:

The aim of the Government is not to turn out a few well-educated youths, nor a number of less well-educated boys; rather it is to improve the bulk of the people and to make the son of the fisherman or the peasant a more intelligent fisherman or peasant than his father has been, and a man whose education will enable him to understand how his own lot in life fits in with the scheme of life around him.⁷

Orang Cina mempunyai tradisi menghormati dan mementingkan pendidikan bagi anak-anak mereka. Di mana ada masyarakat Cina di seberang laut, sekolah Cina dibina dan dibiayai oleh orang Cina sendiri bagi mendidik anak-anak bangsa dalam bahasa ibunda mereka.⁸ Sekolah Cina dicontohi dari sekolah yang terdapat di Negara China. Dari segi kurikulum, ia mempunyai persamaan dengan sekolah yang terdapat di Negara China. Buku teks dicetak dan diimport dari Negara China. Begitu juga, majoriti gurunya terdiri daripada mereka yang dilahirkan dan mendapat pendidikan di China.⁹ Apabila kerajaan British sedar bahaya sekolah Cina digunakan untuk propaganda politik, Enakmen Pendaftaran Sekolah diluluskan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1920. Tujuannya ialah agar semua sekolah Cina didaftarkan dan guru berkelayakan sahaja yang diambil. Enakmen ini memberikan kuasa kepada Pengarah Pelajaran untuk menutup sebarang sekolah yang tidak menurut syarat pengurusan, kurikulum dan peraturan kesihatan.¹⁰ Pada tahun 1923, kerajaan mengambil keputusan memberi bantuan kewangan kepada sekolah Cina yang menerima penyeliaan dan nasihat kerajaan. Kadar bantuan untuk sekolah rendah ialah \$10, \$7 atau \$5 seorang murid. Sekolah menengah pula ialah \$18 atau \$12 seorang murid. Pada tahun 1924, seorang Timbalan Pengarah Pelajaran yang boleh bertutur dalam bahasa Cina dan seorang nazir sekolah Cina dilantik.¹¹ Walaupun usaha pengawasan ini diadakan, tetapi kawalan kerajaan terhadap sekolah Cina tetap longgar. Keadaan hanya berubah selepas Perang Dunia Kedua apabila pembabitan orang Cina dalam pemberontakan komunis yang membawa kepada kawalan ketat terhadap sekolah Cina.

Sejarah sekolah vernakular India bermula dengan perkembangan estet kopi, tebu, kelapa dan terutamanya estet getah di Tanah Melayu. Sejak tahun 1870, sekolah India telah bergerak di estet di Seberang Prai, Melaka dan utara Johor yang kemudian berkembang ke kawasan estet di seluruh negara. Masyarakat India tidak mempunyai kemampuan seperti masyarakat Cina. Mereka bergantung kepada majikan untuk mendapatkan keperluan pendidikan. Apabila orang India yang bekerja di estet semakin ramai, pihak British berasa perlu untuk membuka sekolah India di estet. Mengikut Kod Buruh 1923, Penguasa Buruh mempunyai kuasa untuk menyuruh tuan punya estet membina sekolah jika terdapat 10 atau lebih kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan, iaitu di antara tujuh hingga 14 tahun.¹² Kod Buruh ini membawa kepada perkembangan sekolah vernakular India di estet. Namun demikian, Kod ini tidak menyebut tentang kualiti pendidikan atau taraf pendidikan yang disediakan untuk kanak-kanak estet. Tujuan British bukannya untuk membentuk penduduk yang berilmu tinggi di negara jajahannya. Pelajaran India digunakan sebagai satu rancangan dalam memastikan terdapat bekalan buruh yang berterusan untuk ladang getah. Begitu juga, ia adalah cara bagaimana menjadikan buruh India gembira dan puas hati supaya terus bekerja di estet. Sebagaimana sekolah Cina, sekolah India juga bergantung kepada buku, bahan mengajar dan guru dari India dan Ceylon.¹³

Implikasi daripada pendidikan yang diwujudkan pada zaman penjajahan British ini menyebabkan keadaan yang tidak seimbang dalam sistem persekolahan setiap kaum di Tanah Melayu. Sekolah yang berasingan tidak memberikan pengalaman yang serupa kepada kanak-kanak di Tanah Melayu. Mereka yang hadir di sekolah vernakular disosialisasikan di kalangan kaum masing-masing. Keadaan ini tidak memungkinkan wujudnya kesedaran kebangsaan penduduk Tanah Melayu ke arah pembentukan sebuah bangsa yang bersatu dalam sebuah negara.

Pada zaman pendudukan Jepun selama tiga setengah tahun, empat sistem persekolahan yang wujud pada zaman penjajahan British terhenti fungsinya. Sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan India ditutup.¹⁴ Hal ini tidaklah bermakna bahawa tidak ada langsung kemudahan pendidikan di Tanah Melayu. Sekolah yang wujud pada tempoh itu terbatas kepada unsur pelajaran yang berdasarkan bahasa Jepun dan nilai keJepun sahaja.

Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas perang, usaha dijalankan untuk menyusun semula sistem pendidikan negara ini. Ini membawa kepada Rancangan Cheeseman yang diutarakan oleh H.R. Cheeseman,¹⁵ dalam *Federal Council Paper No. 53 of 1946 (Malayan Union)*.¹⁶ Ia merupakan percubaan pertama dalam penyusunan semula dasar pendidikan di bawah pentadbiran *Malayan Union*. Rancangan ini diluluskan sebagai dasar pendidikan bagi penduduk Tanah Melayu dengan matlamat yang dinyatakan seperti berikut:

The short term objective of the postwar educational reconstruction was to restore schools as quickly as possible to their former condition and to make provision for all who were deprived of education owing to the war. The long term objective is to reconstruct the educational system so as to ensure the fullest educational development for every sector of the community.¹⁷

Pelajaran rendah percuma disediakan kepada semua kaum dalam bahasa ibunda masing-masing. Bahasa Inggeris boleh diajar di sekolah yang bahasa pengantarnya bukan bahasa Inggeris.¹⁸ Jadi, sebenarnya tidak banyak perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara ini selepas Perang Dunia Kedua. Tidak terdapat langkah baru yang diambil untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Tanah Melayu, kecuali British masih mahu mempertahankan kedudukan asalnya. Namun demikian, Rancangan Cheeseman dapat memperlihatkan kerajaan kini menerima kewajipan untuk membekalkan pelajaran rendah percuma melalui bahasa ibunda masing-masing kepada penduduk Tanah Melayu. Ini merupakan satu perubahan penting dalam perkembangan

pendidikan di Tanah Melayu selepas perang. Bagaimanapun, berikutan dengan pembubaran *Malayan Union* dan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948, dasar pendidikan perlu dikaji semula dalam suasana politik yang baru. Di bawah Persekutuan, Kerajaan Negeri diberi kuasa kawalan ke atas pendidikan rendah, menengah dan vokasional.¹⁹ Seterusnya, berlaku perubahan dalam pendidikan pada zaman darurat. Perbincangan mengenai perkembangan pendidikan di Tanah Melayu pada tempoh 1948-1960 boleh dibahagikan kepada aspek sekolah dan pelajar serta dasar pendidikan. Zaman ini memperlihatkan beberapa ciri penting dalam perkembangan pendidikan di Tanah Melayu selaras dengan suasana darurat yang wujud.

Sekolah dan Pelajar, 1948-1960

Dalam tempoh darurat, pendidikan terus berkembang dengan kadar yang perlahan. Bagaimanapun, sekolah di kampung baru dan sekolah untuk Orang Asli diberi penekanan. Setinggan Cina dan Orang Asli adalah dua golongan yang sering dipengaruhi dan dipergunakan oleh pengganas komunis. Oleh itu, usaha memberi pendidikan kepada anak-anak mereka digiatkan agar mereka sedar tentang bahaya dan taktik pengganas komunis. Perkembangan pendidikan di Tanah Melayu dalam tempoh ini secara umumnya dapat dilihat melalui jumlah kanak-kanak yang hadir di sekolah. Jadual 7 menunjukkan bilangan kanak-kanak di sekolah semakin meningkat selepas Perang Dunia Kedua. Terdapat sejumlah 263,354 kanak-kanak yang hadir di semua jenis sekolah di Tanah Melayu pada Disember 1941. Selepas Perang Dunia Kedua, angka ini meningkat kepada kira-kira 370,000 orang pada Mac 1946. Seterusnya, meningkat kepada lebih kurang 530,000 orang pada Disember 1948, 581,271 pada Disember 1949, 621,635 pada Disember 1950 dan seterusnya lebih kurang 720,000 pada Disember 1951. Selepas itu, terdapat sedikit penurunan dalam bilangan kanak-kanak yang hadir di sekolah, iaitu

terdapat sejumlah 697,694 orang kanak-kanak di sekolah pada Disember 1952. Pada Disember 1953, angka tersebut meningkat kepada 759,831 orang dan 803,753 pada September 1954. Angka ini meningkat kepada 870,362 orang pada September 1955, 972,665 orang pada September 1956 dan 1,099,808 pada tahun 1957. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kegiatan komunis semakin berkurangan, jumlah pelajar di sekolah meningkat dengan kadar yang lebih besar. Pada tahun 1958, terdapat sejumlah 1,163,392 kanak-kanak yang hadir di sekolah. Jumlah ini meningkat kepada 1,205,822 pada tahun 1959 dan 1,256,694 pada tahun 1960.

Secara umumnya, jumlah bilangan sekolah yang dibuka pada tahun 1941 adalah 2,521, meningkat kepada kira-kira 3,900 pada Jun 1948 dan 3,949 pada tahun 1949.²⁰ Terdapat sejumlah 4,530 sekolah dari semua jenis aliran di Tanah Melayu pada tahun 1954.²¹ Di Tanah Melayu, pada September 1955, terdapat 4,751 sekolah.²² Pada September 1956, bilangan tersebut meningkat kepada 4,878. Ini menunjukkan terdapat peningkatan 127 buah sekolah pada tahun 1956. Sekolah tambahan itu termasuklah 38 sekolah Inggeris, 36 sekolah Melayu, 49 sekolah Cina dan empat sekolah India.²³ Manakala sehingga 30 Jun 1958, terdapat sejumlah 5,369 sekolah di Tanah Melayu.²⁴ Pada 1 Februari 1959, terdapat sejumlah 5,366 sekolah di Tanah Melayu dengan pelajar berjumlah 1,229,855.²⁵ Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun dalam zaman darurat, soal pendidikan tidak pernah diabaikan.

Jadual 7
Bilangan Kanak-kanak Sekolah di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Bilangan (orang)
1941 (Disember)	263,354
1946 (Mac)	370,000
1948 (Disember)	530,000
1949 (Disember)*	581,271
1950 (Disember)**	621,635
1951 (Disember)***	720,000
1952 (Disember)	697,694
1953 (Disember)	759,831
1954 (September)	803,753
1955 (September)	870,362
1956 (September)	972,665
1957 (Disember)	1,099,808
1958 (Disember)	1,163,392
1959 (Disember)	1,205,822
1960 (Disember)	1,256,694

*Antaranya, 96,833 orang di 639 buah sekolah di Selangor. Return For The Month of December 1949, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1764/49, Monthly Reports of The Education Department For 1949, 1950 & 1951.

**Antaranya, 104,656 pelajar di 650 buah sekolah di Selangor. Return For The Month of December 1950, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1764/49, Monthly Reports of The Education Department For 1949, 1950 & 1951.

***Antaranya, 106,191 pelajar di 627 buah sekolah di Selangor. Return For The Month of December 1951, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1764/49, Monthly Reports of The Education Department For 1949, 1950 & 1951.

Sumber: Angka tahun 1941 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 174; *Background Information and Material For Speakers-The Emergency and Anti-Bandit Month*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya, 1950, hlm. 18. Lihat juga *Education In The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission To Malaya, July 1954*, hlm. 3-4, dalam C.O. 1030/52/FED23/246/01, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya; Supplementary Notes on Education, dalam C.O. 825/76/1/55417/2/1, Adjournment Debate 3rd June Arising From Major Wyatt's Visit To Malaya, hlm. 24; *Economic and Social Policy In Malaya*, dalam C.O. 825/90/2/55437, Memorandum Prepared In S.E.A. Department, hlm. 31; *Background Notes on Economic and Social Policy In Malaya*, dalam C.O. 825/90/2/55437, Memorandum Prepared In S.E.A. Department, hlm. 51. Angka tahun 1946 dan 1948 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 155. Angka tahun 1949 diambil dari *Background Information and Material For Speakers-The Emergency and Anti-Bandit Month*, hlm. 18. Angka tahun 1950 diperolehi dari *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 103. Untuk angka tahun 1951, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 135; *Facts About Malaya*, Jabatan Penerangan Kuala Lumpur, 1952, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 273/52, Pamlet: Facts About Malaya. Angka tahun 1952 dan 1953 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1952*, hlm. 155; Legislative Counsil Federation of Malaya, First Meeting Of The Sixth Session, 18th March 1953, hlm. 8, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council; Communication From The Chair-Address By His Excellency The High Commissioners hlm. 34, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council. Angka tahun 1954 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 208. Angka tahun 1955 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 220; A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43; *Straits Echo & Times of Malaya*, 10 May 1958, hlm. 7. Angka tahun 1956 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 236; A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43. Angka tahun 1957-1960 diambil dari Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 61.

Sekolah Melayu

Walaupun sudah ada usaha untuk menyediakan sekolah Melayu oleh badan mubaligh yang mendapat sokongan daripada kerajaan Singapura seawal tahun 1856, ia tidak dilaksanakan sehingga pemindahan Negeri-Negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan London pada tahun 1867. Sejak itu, barulah perhatian diberi kepada penyediaan bangunan dan kakitangan sekolah vernakular Melayu bagi mengajar kanak-kanak Melayu bahasa Arab dan tulisan Rumi.²⁶ Peningkatan dalam pendaftaran kanak-kanak Melayu di sekolah Melayu sejak Perang Dunia Kedua adalah akibat daripada kesedaran orang Melayu tentang kepentingan pendidikan. Jadual 8 menunjukkan bilangan pelajar dan sekolah Melayu yang terdapat di Tanah Melayu antara tahun 1941-1960. Bilangan pelajar di sekolah Melayu didapati semakin meningkat, iaitu dari 122,199 orang pada tahun 1941 kepada 134,900 pada tahun 1946 dan 137,338 orang pada tahun 1947. Seterusnya, bilangan pelajar meningkat kepada 206,223 orang pada Disember 1948, 238,592 pada tahun 1949, 262,168 orang pada tahun 1950, 285,864 orang pada tahun 1951, 304,954 orang pada tahun 1952, 336,311 orang pada tahun 1953 dan terus bertambah sehingga berjumlah 349,583 orang pada tahun 1954. Pada tahun 1955, terdapat sejumlah 368,017 pelajar di sekolah Melayu. Jumlah ini kemudian meningkat kepada 398,412 pada tahun 1956²⁷ dan 428,368 pada tahun 1957. Selepas Tanah Melayu merdeka, bilangan pelajar terus meningkat sehingga mencapai 460,212 pada tahun 1958, 459,618 pada tahun 1959 dan 467,293 pada tahun 1960.

Jadual 8
Bilangan Pelajar dan Sekolah Melayu di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Pelajar	Sekolah*
1941	122,199	-
1946	134,900	-
1947	137,338	-
1948	206,223	1,404
1949	238,592	1,433
1950	262,168	1,574
1951	285,864	1,704
1952	304,954	1,931
1953	336,311	-
1954	349,583	2,086
1955	368,017	2,144
1956	398,412	2,180
1957	428,368	-
1958	460,212	-
1959	459,618	2,249**
1960	467,293	-

*Bilangan sekolah Melayu pada tahun 1941, 1946, 1947, 1953, 1957-1958 dan 1960 tidak diperolehi.

**Angka ini untuk Januari-Februari 1959 sahaja.

Sumber: Bilangan pelajar di sekolah Melayu pada tahun 1941 diambil dari Federation of Malaya Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Thursday, 18th November 1948, at 10 a.m., hlm. B536, dalam Federation of Malaya Official Report of The Proceedings of The Legislative Council, First Session, 1948-1949. Bilangan pelajar pada tahun 1946 dan 1949, rujuk Straits Echo & Times of Malaya, 3 August 1950, hlm. 7. Bilangan pelajar di sekolah Melayu pada tahun 1948, lihat Supplementary Notes on Education, dalam C.O. 825/76/1/55417/2/1, Adjournment Debate 3rd June, Arising From Major Wyatt's Visit To Malaya, hlm. 24. Bilangan sekolah pada tahun 1948 dipetik dari Return of Schools and Teachers For December, 1948, hlm. C549, dalam Federation of Malaya Official Report of The Proceedings of The Legislative Council, First Session, 1948-1949. Bilangan pelajar dan sekolah pada tahun 1949, lihat Federation of Malaya Annual Report 1949. Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hlm. 85. Bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1950, lihat Federation of Malaya Annual Report 1950. Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 104; Report of The Committee on Malay Education Federation of Malaya. Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 3. Bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1951, rujuk Federation of Malaya Annual Report 1951. Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 138-139. Bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1952, rujuk Federation of Malaya Annual Report 1952. Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 159. Bilangan pelajar di sekolah Melayu pada tahun 1953, lihat juga Federation of Malaya Annual Report 1953. Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 174. Bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1954, lihat Federation of Malaya Annual Report 1954. Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 208-209. Untuk bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1955, lihat Federation of Malaya Annual Report 1955. Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 221-222. Untuk bilangan pelajar dan sekolah Melayu pada tahun 1956, lihat Federation of Malaya Annual Report 1956. Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 237-238. Bilangan pelajar di sekolah Melayu bagi tahun 1941-1954, lihat Federation of Malaya Annual Report 1954. 1955, hlm. 209. Lihat juga First Report of The Central Advisory Committee on Education, May 1952, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/FS/784/50, Central Advisory Committee on Education. Bilangan pelajar pada tahun 1956 ada juga dinyatakan dalam A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44. Bilangan pelajar sekolah Melayu bagi tahun 1957-1960 dipetik dari Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*. Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 61. Bilangan pelajar pada tahun 1959, lihat juga Straits Echo & Times of Malaya, 9 July 1959, hlm. 6.

Selain pelajar, sekolah Melayu juga semakin meningkat antara tempoh 1948-1956 sebagaimana dalam Jadual 8. Pada tahun 1949, terdapat 1,433 sekolah Melayu kerajaan dan bantuan kerajaan di Tanah Melayu berbanding dengan 1,404 pada tahun 1948. Pada tahun 1950, terdapat 1,574 sekolah Melayu kerajaan dan sekolah Melayu bantuan kerajaan di Tanah Melayu. Angka ini meningkat kepada 1,704 pada lewat tahun 1951. Pada tahun 1952, 227 sekolah Melayu baru telah dibina dan sehingga ini terdapat 1,931 sekolah Melayu di Tanah Melayu.²⁸ Pada tahun 1953, bangunan sekolah Melayu kerajaan ditubuhkan di 53 bandar dan kampung di Tanah Melayu.²⁹ Pada tahun 1954, terdapat sejumlah 2,086 sekolah Melayu. Terdapat 2,144 sekolah Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1955, iaitu sekolah Melayu kerajaan sebanyak 1,662, sekolah bantuan kerajaan sejumlah 478 dan empat sekolah tanpa bantuan. Bilangan sekolah Melayu terus meningkat kepada 2,180 pada tahun 1956 dengan 1,795 sekolah Melayu kerajaan, 377 sekolah Melayu bantuan kerajaan dan lapan sekolah Melayu tanpa bantuan kerajaan.³⁰ Jumlah tersebut meningkat kepada 2,249 pada Februari 1959.

Sekolah Cina

Darurat menyebabkan turun naik bilangan pelajar di sekolah Cina kerana orang Cinalah golongan yang sering menjadi sasaran komunis. Di sesetengah tempat yang kekurangan penduduk Cina kerana telah dipindahkan, tidak ramai lagi pelajar hadir di sekolah. Di Selangor, sejak darurat diisyiharkan sehingga Julai 1951, sejumlah 25 sekolah Cina telah ditutup kerana kekurangan pelajar akibat pemindahan penduduk di bawah rancangan penempatan semula.³¹ Di sesetengah sekolah pula, dalam keadaan huru-hara di Tanah Melayu, bantuan tidak lagi didapati daripada penduduk Cina dan menyebabkan pentadbiran sekolah tidak dapat diteruskan. Yang lebih penting dalam perkembangan sekolah Cina pada zaman darurat ialah akibat kekacauan yang dilakukan

oleh pengganas komunis. Di Johor, misalnya, sehingga November 1948, sebanyak 18 sekolah Cina telah ditutup disebabkan kekacauan yang ditimbulkan oleh pengganas komunis. Sekolah yang akhir sekali ditutup ialah di Parit Tani, Batu Pahat, Johor setelah digempur oleh pengganas komunis.³² Sehingga Disember 1948, sebanyak 45 sekolah Cina di Johor ditutup akibat keadaan kekacauan pada zaman darurat.³³ Pada Mei 1948, terdapat sejumlah 358 sekolah Cina dengan pelajar berjumlah 39,582 di Johor. Akibat daripada darurat, banyak sekolah di kawasan luar bandar ditutup. Oleh itu, pada Julai 1951, bilangan sekolah Cina di Johor berkurangan kepada 231 dengan 36,220 pelajar.³⁴ Begitu juga sekurang-kurangnya 20 sekolah Cina di Perak ditutup sejak darurat kerana disyaki berada di bawah pengaruh komunis.³⁵ Akhbar *Nanyang Siang Pau*, bertarikh 11 September 1948, melaporkan sejak darurat bermula, kira-kira 100 sekolah Cina di Tanah Melayu ditutup yang melibatkan kira-kira 10,000 pelajar. Antara faktor yang menyebabkan berlaku keadaan ini ialah ibubapa tidak membenarkan anak mereka pergi ke sekolah yang jauh dari kampung ketika negara dalam keadaan kacau-bilau.³⁶ Tetapi ini bukan bermakna semua sekolah Cina dipengaruhi oleh pihak komunis. Keadaan ini disokong oleh Penolong Pengarah Pendidikan Cina, F.T. Laidlaw.³⁷ Beliau tidak setuju dengan sesetengah pihak yang menganggap sekolah Cina penuh dengan unsur komunisme dan buku-buku teks di sekolah Cina adalah teruk.³⁸

Guru, pengetua sekolah dan pelajar sering menjadi sasaran komunis yang bertujuan untuk mengganggu perjalanan sekolah Cina di Tanah Melayu. Antaranya, pada 30 Julai 1948, tiga pengganas komunis menyerbu Sekolah Lam Huah di Kahang, Jalan Mersing, Johor dan menembak mati pengetua sekolah.³⁹ Pada 9 Ogos 1948, seorang guru diikat tangan dan kaki, kemudian diheret keluar dari rumahnya di Bukit Siput, kira-kira 3.22 kilometer (dua batu) dari Segamat, Johor, oleh tiga pengganas komunis. Mangsa seterusnya mati ditembak oleh pengganas.⁴⁰ Pada 26 September 1948, seorang pengetua

sekolah Cina dibunuh oleh pengganas komunis di rumahnya di Tanjung Tualang, Batu Gajah, Perak.⁴¹ Pada 13 November 1948, seorang pengetua sekolah dibunuh oleh empat orang pengganas komunis berdekatan Kluang, Johor. Mangsa ialah Chong Teng Weng.⁴² Selain itu, pada 24 April 1950, seorang guru sekolah Cina di Kampung Ayer Kuning, Perak, diheret keluar dari bilik darjah oleh empat pengganas komunis dan kemudian ditembak mati.⁴³ Pada 2 November 1950, pengetua sebuah sekolah Cina di Chemor, Ipoh, Perak, ditembak mati oleh pengganas komunis.⁴⁴ Dalam perkembangan lain, polis menjumpai mayat pengetua Sekolah Chung Hwa, Kuala Lumpur, yang diculik oleh penggaras komunis pada 10 April 1951. Leher mangsa dikerat dan tangannya diikat ke belakang.⁴⁵ Seorang pelajar berumur 18 tahun, Phang Chin Tin, ditembak mati oleh tiga pengganas komunis pada 4 Julai 1951 di Seberang Prai. Dalam kejadian tersebut, pelajar itu dibunuh ketika pengganas menyerbu Sekolah Cina Mong Eng di Brapit, Bukit Mertajam, Sebarang Prai. Pengganas turut merompak 28 kad pengenalan kepunyaan guru dan pelajar sekolah berkenaan.⁴⁶ Pada 5 Februari 1953, Cheah Cheng Teik, seorang pelajar berumur 19 tahun dari Sekolah Tinggi Chung Ling, Pulau Pinang, ditembak oleh pengganas komunis ketika dalam perjalanan ke sekolah. Mangsa meninggal di hospital tiga jam kemudian.⁴⁷

Jadual 9 menunjukkan bilangan pelajar dan sekolah Cina di Tanah Melayu antara tahun 1941-1960. Bilangan pelajar di sekolah Cina pada tahun 1941, berjumlah lebih kurang 83,200 orang. Angka ini meningkat kepada 172,101 pada tahun 1946, 193,340 pada tahun 1947. Jumlah ini seterusnya menurun sehingga 189,230 orang pada tahun 1948. Sebab utama kejatuhan pendaftaran pelajar ini adalah kerana darurat yang menyebabkan banyak sekolah ditutup, termasuklah 87 sekolah malam.⁴⁸ Jumlah pelajar sekolah Cina yang ada pada tahun 1949 adalah 202,769 orang, meningkat kepada 216,455 pada tahun 1950. Terdapat pengurangan pelajar sebanyak 10,112 pada tahun 1951

berbanding dengan tahun sebelumnya. Jumlah pelajar di sekolah Cina pada tahun 1951 berjumlah 206,343 orang. Keadaan ini adalah kesan rancangan penempatan semula. Apabila sesebuah keluarga telah berpindah ke tempat baru, mereka tidak lagi menghantar anak-anak ke sekolah di kawasan tinggal asal. Selain itu, seruan kerajaan terhadap belia dalam perkhidmatan negara juga bertanggungjawab terhadap pengurangan pelajar di sekolah Cina.⁴⁹ Namun begitu, terdapat peningkatan pelajar di sekolah Cina pada Disember 1952 di mana jumlah pelajar adalah 239,356 orang. Jumlah pelajar di sekolah Cina seterusnya meningkat kepada 250,881 orang pada tahun 1953, 252,312 pada tahun 1954,⁵⁰ sebelum menurun kepada 227,454 pada tahun 1955. Selepas itu, bilangan pelajar di sekolah Cina terus meningkat dengan kadar yang lebih besar, iaitu mencapai jumlah 320,168 pada tahun 1956,⁵¹ 391,667 pada tahun 1957, 402,438 pada tahun 1958, 415,284 pada tahun 1959 dan 421,700 pada tahun 1960. Ini kerana keadaan negara semakin aman dan stabil selepas tahun 1955. Penganas komunis pula semakin lemah, maka kebimbangan orang Cina terhadap ancaman komunis berkurangan.

Berdasarkan Jadual 9 didapati bahawa bilangan sekolah Cina antara 1948-1960 turun naik kerana keadaan darurat. Sekolah Cina ditutup sama ada kerana disyaki dipengaruhi ideologi komunis atau kekurangan pelajar. Selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada tahun 1946, terdapat sejumlah 1,105 sekolah Cina di Tanah Melayu. Pada tahun 1947, angka ini meningkat kepada 1,338, seterusnya 1,364 pada tahun 1948. Jumlah itu kemudian menurun kepada 1,338 pada tahun 1949, 1,319 pada tahun 1950 dan seterusnya 1,171 pada tahun 1951.⁵² Penurunan bilangan sekolah itu disebabkan sesetengah sekolah di kawasan terpencil ditutup kerana keadaan huru-hara akibat darurat. Selepas itu, bilangan sekolah Cina meningkat kepada 1,203 pada tahun 1952, 1,214 pada tahun 1953, 1,236 pada tahun 1954⁵³ dan 1,276 pada tahun 1955.⁵⁴ Ini berikutan keberkesanan usaha kerajaan dalam melemahkan kegiatan komunis. Angka tersebut

seterusnya bertambah menjadi 1,325 pada tahun 1956, 1,347 pada tahun 1957 dan 1,417 pada Februari 1959.

Jadual 9
Bilangan Pelajar dan Sekolah Cina di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Pelajar	Sekolah*
1941	83,200	-
1946	172,101	1,105
1947	193,340	1,338
1948	189,230	1,364
1949	202,769	1,338
1950	216,455	1,319
1951	206,343	1,171
1952	239,356	1,203
1953	250,881	1,214
1954	252,312	1,236
1955	227,454	1,276
1956	320,168	1,325
1957	391,667	1,347
1958	402,438	-
1959	415,284	1,417**
1960	421,700	-

*Bilangan sekolah untuk tahun 1941, 1958 dan 1960 tidak diperolehi.

**Ini merupakan jumlah sekolah pada Februari 1959.

Sumber: Bilangan pelajar sekolah Cina pada tahun 1941 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 174; *Federation of Malaya Report of The Proceedings of The Legislative Council*, Kuala Lumpur, Thursday, 18th November 1948, at 10 a.m., hlm. B536, dalam *Federation of Malaya Official Report of Federation of Malaya Official Report of The Proceedings of The Legislative Council*, First Session, 1948-1949; *Supplementary Notes on Education*, dalam C.O. 825/76/1/55417/2/1, *Adjournment Debate 3rd June, Arising From Major Wyatt's Visit To Malaya*, hlm. 25. Bilangan pelajar dan sekolah Cina pada 1946-1957 dipetik dari Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 33. Bilangan pelajar tahun 1947, rujuk juga *Draft Outline of Note on The Federation of Malaya and Singapore*, dalam C.O. 825/51/2/55063/7/Part 1, *Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A.*, hlm. 197; *The Economy of The Federation of Malaya and Singapore*, dalam C.O. 825/53/4/55063/8, *Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A.*, hlm. 52. Bilangan pelajar pada tahun 1956, lihat juga *A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956*, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, *Educational Development*, *Federation of Malaya*, hlm. 44. Bilangan pelajar di sekolah Cina pada tahun 1948, rujuk juga *Supplementary Notes on Education*, dalam C.O. 825/76/1/55417/2/1, *Adjournment Debate 3rd June, Arising From Major Wyatt's Visit To Malaya*, hlm. 25. Bilangan pelajar pada tahun 1949, rujuk juga *Straits Echo & Times of Malaya*, 3 August 1950, hlm. 7. Bilangan pelajar pada tahun 1958-1960 dipetik dari Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 61. Bilangan sekolah Cina pada tahun 1959, lihat juga *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 July 1959, hlm. 6.

Sekolah India

Dalam tempoh 1948-1960 memperlihatkan peningkatan bilangan sekolah dan pelajar yang berdaftar di sekolah India. Semua estet yang mempunyai bilangan kanak-kanak dalam umur persekolahan yang mencukupi diminta untuk menyediakan sekolah. Sekolah estet adalah di bawah kawalan pihak pengurusan estet, tetapi dikekalkan dengan bantuan kerajaan. Darurat tidak meninggalkan kesan besar terhadap perubahan bilangan pelajar dan sekolah India di Tanah Melayu. Sekolah India dan pelajarnya tidak menjadi sasaran komunis.

Jadual 10 menunjukkan bilangan pelajar dan sekolah India di Tanah Melayu antara tahun 1941 hingga 1960. Jumlah pelajar di sekolah India pada tahun 1941 adalah 25,573 orang. Selepas perang, angka ini jatuh kepada lebih kurang 18,500 berikutan dengan kerosakan estet getah dan kekurangan peluang kerja akibat perang. Bagaimanapun, bilangan pelajar meningkat kepada kira-kira 35,000 pada tahun 1949, 35,456 pada tahun 1948, 38,743 pada tahun 1949 dan 38,833 pada tahun 1950. Pada tahun 1951, terdapat pengurangan dalam bilangan pelajar di sekolah India. Jumlah pelajar pada tahun 1951 adalah 37,164. Pengurangan ini disebabkan terutamanya orang India beralih dari estet getah kepada kebun kecil di mana keuntungan lebih tinggi dapat diperolehi. Dalam keadaan ini, mereka tidak lagi menghantar anak-anak ke sekolah yang disediakan di estet.⁵⁵ Bilangan pelajar di sekolah India seterusnya meningkat kepada 38,975 pada tahun 1952. Peningkatan ini disebabkan pekerja dengan keluarganya kembali dari kebun kecil ke estet.⁵⁶ Pada tahun berikutnya, didapati bilangan pelajar yang hadir di sekolah India semakin meningkat. Pada tahun 1953, terdapat sejumlah 42,043 orang pelajar.⁵⁷ Bilangan ini meningkat kepada 44,561 pada tahun 1954, 46,247 pada tahun 1955, 48,522 pada tahun 1956,⁵⁸ 48,546 pada tahun 1957, 50,599 pada tahun 1958, 54,759 pada tahun 1959 dan 58,200 pada tahun 1960. Peningkatan ini

sebahagiannya disebabkan kesudian ibu bapa membenarkan anak-anak mereka berada di sekolah untuk tempoh yang lebih lama daripada tiga atau empat tahun yang biasanya dilakukan sebelum ini. Tambahan lagi, keadaan di Tanah Melayu semakin stabil dan ancaman komunis semakin berkurangan.

Terdapat sejumlah 890 buah sekolah India di Tanah Melayu pada tahun 1948 berbanding dengan 843 pada tahun 1947. Manakala pada tahun 1949, terdapat 889 sekolah India di Tanah Melayu.⁵⁹ Menjelang tahun 1950, sekolah India telah tersebar di seluruh negara kecuali Terengganu, menyediakan pendidikan rendah untuk enam tahun pertama dalam bahasa ibunda. Terdapat 881 sekolah yang beroperasi pada akhir September 1950 dan berkurangan kepada 866 pada tahun 1951.⁶⁰ Bilangan sekolah India di Tanah Melayu meningkat kepada 894 buah pada tahun 1954, 898 pada tahun 1955,⁶¹ dan 902 pada tahun 1956. Sehingga Februari 1959, terdapat 857 sekolah India di Tanah Melayu.

Jadual 10
Bilangan Pelajar dan Sekolah India di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Pelajar	Sekolah*
1941	25,573	-
1946	18,500	-
1947	35,000	843
1948	35,456	890
1949	38,743	889
1950	38,833	881
1951	37,164	866
1952	38,975	-
1953	42,043	-
1954	44,561	894
1955	46,247	898
1956	48,522	902
1957	48,546	-
1958	50,599	-
1959	54,759	857**
1960	58,200	-

*Bilangan sekolah untuk tahun 1941, 1946, 1951-1953, 1957, 1958 dan 1960 tidak diperolehi.

**Angka ini hanya sehingga bulan Februari 1959.

Sumber: Bilangan pelajar pada tahun 1941, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 174; Supplementary Notes on Education, dalam C.O. 825/76/1/55417/2/1, Adjournment Debate, 3rd June, Arising From Major Wyatt's Visit To Malaya, hlm. 25; *Federation of Malaya Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Thursday, 18th November 1948*, at 10 a.m., hlm. B536, dalam *Federation of Malaya Official Report of The Proceedings of The Legislative Council, First Session, 1948-1949*. Bilangan pelajar pada tahun 1946, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 174. Bilangan pelajar pada tahun 1947, lihat *Draft Outline of Note on The Federation of Malaya And Singapore*, dalam C.O. 825/51/2/55063/7/Part I, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 197; *The Economy of The Federation of Malaya and Singapore*, dalam C.O. 825/53/4/55063/8, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 52. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 75. Bilangan pelajar dan sekolah India pada tahun 1948 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur: Government Press, 1949, hlm. 75-76. Bilangan pelajar dan sekolah India pada tahun 1949 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1949*, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hlm. 88-89; *Chinese Schools and The Education of Chinese Malayans: The Report of A Mission Invited By The Federation Government To Study The Problem of The Education of Chinese In Malaya, June 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951 hlm. 11. Bilangan pelajar pada tahun 1959, lihat *Straits Echo & Times of Malaya*, 3 August 1950, hlm. 7. Bilangan pelajar dan sekolah pada tahun 1950 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 107 dan 109. Bilangan pelajar pada tahun 1951, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 141. Bilangan sekolah India pada tahun 1951, rujuk *Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21st November 1951*, at 10 a.m., dalam *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 To February 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 352. Bilangan pelajar pada tahun 1952, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 162. Bilangan pelajar pada tahun 1953, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 181. Bilangan pelajar dan sekolah pada tahun 1954, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 208 dan 213. Bilangan pelajar dan sekolah India pada tahun 1955, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 220 dan 225. Bilangan pelajar pada tahun 1955 dan 1956 dipetik dari *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 243. Bilangan pelajar pada tahun 1956 ada juga dinyatakan dalam *A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For Year 1956*, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/0/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44. Bilangan sekolah India pada tahun 1956, lihat Sritharan Chandran, 'Pendidikan Tamil: Masalah, Cabaran Dan Masa Depan Menjelang Abad Ke-21', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000/2001, hlm. 35. Bilangan pelajar sekolah India pada tahun 1957-1960 dipetik dari Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 61.

Sekolah Inggeris

Perkembangan sekolah Inggeris di Tanah Melayu amat menggalakkan walaupun negara sedang menghadapi keadaan huru-hara akibat darurat. Jadual 11 menunjukkan bilangan pelajar di sekolah Inggeris di Tanah Melayu dari 1941 hingga 1960. Pada tahun 1941, jumlah pelajar di sekolah Inggeris hanya 32,382, meningkat kepada kira-kira 60,400 pada tahun 1946. Jumlah ini seterusnya meningkat kepada 62,758 pada tahun 1948 walaupun negara sedang menghadapi ancaman penganas komunis. Pada tahun 1949, terdapat sejumlah 67,266 orang pelajar di sekolah Inggeris di Tanah Melayu. Manakala pada tahun 1950, jumlah pelajar di sekolah Inggeris kerajaan dan sekolah Inggeris bantuan kerajaan adalah 100,736. Pada tahun 1951, jumlah pelajar meningkat kepada 111,354. Seterusnya, pada tahun 1952, pelajar di sekolah Inggeris meningkat kepada 125,290 orang. Pada lewat tahun 1953, terdapat 141,692 pelajar di sekolah Inggeris.⁶² Begitu juga, terdapat peningkatan pelajar di sekolah Inggeris pada tahun 1954. Pada akhir September 1954, terdapat 158,485 pelajar yang berdaftar. Jumlah ini meningkat sehingga 178,644 pada tahun 1955, 205,563 pada tahun 1956,⁶³ 231,227 pada tahun 1957, 250,143 pada tahun 1958, 276,161 pada tahun 1959 dan 309,501 pada tahun 1960. Kadar penambahan pelajar sekolah Inggeris yang lebih cepat menunjukkan bahawa penduduk mula memberi perhatian dan minat terhadap pendidikan Inggeris. Ini disebabkan timbul kesedaran tentang kepentingan pendidikan Inggeris dari segi peluang pendidikan, ekonomi dan profesional.

Jadual 11
Bilangan Pelajar di Sekolah Inggeris di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Pelajar
1941	32,382
1946	60,400
1948	62,758
1949	67,266
1950	100,736
1951	111,354
1952	125,290
1953	141,692
1954	158,485
1955	178,644
1956	205,563
1957	231,227
1958	250,143
1959	276,161
1960	309,501

Sumber: Angka untuk tahun 1941 diambil dari *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 174; *Federation of Malaya Report of The Proceedings of The Legislative Council*, Kuala Lumpur, Thursday, 18th November 1948, at 10 a.m., hlm. B536, dalam *Federation of Malaya Official Report of The Proceedings of The Legislative Council, First Session, 1948-1949*. Angka untuk tahun 1946 diperolehi dari *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 174. Untuk bilangan pelajar pada tahun 1948, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur: Government Press, 1949, hlm. 77. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1949*, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hlm. 90; *First Report of The Central Advisory Committee on Education, May 1952*, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/FS/784/50, Central Advisory Committee on Education. Untuk bilangan pelajar di sekolah Inggeris pada tahun 1949, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 109, *Chinese Schools and The Education of Chinese Malaysians: The Report of A Mission Invited By The Federation of Government To Study The Problem of The Education of Chinese In Malaya, June 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 11. Untuk bilangan pelajar pada tahun 1950, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 109. Bilangan pelajar pada tahun 1951, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 142-143. Bilangan pelajar pada tahun 1952, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 162-163. Bilangan pelajar pada tahun 1953, rujuk *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 182. Bilangan pelajar pada tahun 1954, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 208 dan 215. Bilangan pelajar pada tahun 1955, lihat *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 227; *Straits Echo & Times of Malaya*, 10 May 1958, hlm. 7. Bilangan pelajar pada tahun 1956, lihat *A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956*, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, *Educational Development, Federation of Malaya*, hlm. 44; *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 236. Bilangan pelajar pada tahun 1957-1960 dipetik dari Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 61.

Dari segi bilangan sekolah pula, kerajaan terus berusaha mendirikan sekolah Inggeris untuk memenuhi permintaan penduduk. Pada tahun 1951, misalnya, sekolah Inggeris kerajaan dimulakan di Kuala Kubu Bahru, Selangor; Kuala Krai, Kelantan; Rembau, Negeri Sembilan serta sekolah perempuan kerajaan dibuka di Kuala Lumpur dan Sungai Patani, Kedah.⁶⁴ Pada tahun 1952, 19 sekolah baru dibuka di berbagai bahagian di Tanah Melayu termasuklah Sabak Bernam, Selangor; Baling, Kulim, Kedah; Kota Tinggi, Johor; Bagan Serai, Lenggong, Utan Melintang, Ipoh dan Parit Buntar, Perak; Kuala Pilah dan Jelebu di Negeri Sembilan.⁶⁵ Pada tahun 1953, sekolah Inggeris kerajaan sama ada dibina atau diperluaskan di 24 tempat di Tanah Melayu. Manakala, sekolah Inggeris bantuan kerajaan di Selangor, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Johor menambahkan kemudahan penginapan dengan bantuan kewangan kerajaan.⁶⁶ Pada tahun 1956, terdapat 458 sekolah rendah Inggeris di Tanah Melayu. Sekolah Inggeris dibuka kepada pelajar dari semua bangsa. Pelajar sekolah rendah Inggeris biasanya dalam lingkungan umur enam hingga 13 tahun dan pembahagian mengikut kaum pada tahun 1956 adalah seperti dalam Jadual 12. Jadual ini menunjukkan terdapat 29,878 pelajar Melayu; 56,975 pelajar Cina; 28,996 pelajar India; 2,039 Eropah dan Eurasian; 165 pelajar dari kategori penduduk Tanah Melayu yang lain dan 282 pelajar dari bangsa asing yang hadir di sekolah rendah Inggeris pada tahun 1956. Mereka membentuk jumlah 118,335 orang pelajar yang berdaftar di sekolah rendah Inggeris di Tanah Melayu pada tahun 1956.

Jadual 12
Pembahagian Pelajar di Sekolah Rendah Inggeris Mengikut Kaum Pada Tahun 1956

Kaum	Jumlah
Melayu	29,878
Cina	56,975
India	28,996
Eropah dan Eurasian	2,039
Lain-Lain (Penduduk Tanah Melayu)	165
Lain-Lain Bangsa	282
 Jumlah	 118,335

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 245.

Sekolah di Kampung Baru

Perkembangan sekolah di kampung baru adalah ciri penting dalam aspek pendidikan pada tahun 1951 berikutan dengan rancangan penempatan semula setinggan di kampung baru. Menurut Laporan Pendidikan Tahun 1951, kerjasama erat antara Jabatan Pendidikan, Pejabat Daerah dan MCA membawa kepada penubuhan dan perkembangan yang pantas bagi sekolah di kampung baru.⁶⁷ Tujuan penubuhan sekolah di kampung baru adalah untuk membolehkan kanak-kanak yang terdapat di kampung baru mendapat pendidikan yang sempurna, di samping melindungi mereka daripada dipengaruhi oleh ideologi komunis. Selain itu, pendidikan dapat menimbulkan kesedaran penduduk kampung baru bahawa mereka sebahagian daripada unit sosial dengan masalah, kepentingan dan cita-cita yang sama dengan penduduk di pekan dan bandar.⁶⁸ Dianggarkan terdapat kira-kira 29,000 daripada 50,000 kanak-kanak kampung baru hadir di lebih kurang 200 sekolah kampung baru pada tahun 1951.⁶⁹ Demi mengurangkan jurang perbezaan antara golongan buta huruf dengan celik huruf di kampung baru, usaha diambil untuk membina lebih banyak sekolah, mengupah lebih ramai guru, mengatasi

kejahanan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka, dan mengurangkan serta pelepasan yuran persekolahan bagi kanak-kanak yang datang dari keluarga yang miskin.⁷⁰ Jadual 13 menunjukkan keadaan sekolah di kampung baru pada September 1951. Terdapat sejumlah 194 sekolah dengan jumlah pelajar 28,891 dan 806 guru di Tanah Melayu. Di samping itu, terdapat lapan buah sekolah yang telah siap dibina tetapi belum dibuka kepada kanak-kanak di kampung baru dan enam buah sekolah dalam proses pembinaan.

Jadual 13
Sekolah di Kampung Baru Pada September 1951

	Jumlah
Jumlah Sekolah Yang Telah Dibuka	194*
Jumlah Sekolah Yang Telah Siap Tetapi Belum Dibuka	8
Jumlah Sekolah Dalam Proses Pembinaan	6
Jumlah Pelajar	28,891
Purata Pendaftaran Setiap Sekolah	149
Jumlah Guru	806
Kadar Guru Kepada Pelajar	36:1

*Antaranya, Kedah, Perlis dan Terengganu masing-masing mempunyai sebuah sekolah kampung baru; Perak 66, Selangor 33, Negeri Sembilan 18, Melaka 8, Johor 53 dan Pahang 13. *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 25 February 1952, hlm. 5.

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 141.

Pada tahun 1950, terdapat sejumlah 129 kampung baru di Perak. Ketika itu, 41 buah sekolah kampung baru dapat dijumpai di Perak.⁷¹

Sehingga Februari 1952, kerajaan telah membelanjakan \$1,961,553 untuk membina 216 buah sekolah dengan 957 bilik darjah bagi menampung 39,744 pelajar di sekolah kampung baru di seluruh Tanah Melayu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 14. Dari pada kira-kira 480 kampung baru yang wujud, hanya 234 sekolah dengan kira-kira 46,000 orang pelajar pada November 1952.⁷² Angka ini seterusnya meningkat

kepada 228 sekolah kampung baru dengan pelajar berjumlah 46,745 orang pada Disember 1952.⁷³ Sehingga Februari 1953 pula, terdapat 232 sekolah kampung baru di Tanah Melayu.⁷⁴ Pada 3 Mac 1953, sebuah sekolah Cina yang baru dengan 200 pelajar telah dibuka di Kampung Baru Kota Kechil, Kota Tinggi, Johor.⁷⁵ Antaranya, lebih 100 sekolah terdapat di kampung baru di Perak.⁷⁶ Pada 30 September 1953, terdapat 56,196 pelajar berdaftar di kira-kira 430 buah sekolah kampung baru.⁷⁷ Pada penghujung tahun 1954, sekolah telah dibina di 441 kampung baru, dengan 2,068 bilik darjah dan 1,785 tempat penginapan guru.⁷⁸

Jadual 14
Perkembangan Sekolah di Kampung Baru Pada Februari 1952

Negeri	Bilangan Sekolah	Bilangan Kelas	Bilangan Pelajar yang Mendaftar	Perbelanjaan Kerajaan (\$)
Perlis	1	3	53	9,290
Kedah	2	5	116	9,750
Pulau Pinang	1	4	227	9,000
Melaka	8	14	524	37,905
Perak	75	360	12,507	277,789
N. Sembilan	27	83	3,074	279,142
Selangor	19	75	5,574	275,049
Johor	54	298	14,610	803,218
Pahang	27	111	2,925	254,509
Kelantan	-	-	-	-
Terengganu	2	4	134	5,901
Jumlah	216	957	39,744	1,961,553

Sumber: No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 13, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper No. 33 of 1952, hlm. 1, dalam C.O. 1022/32/SEA10/72/04, Education In The New Villages; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 13, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatter In Malaya. Rujuk juga *Sing Pin Jih Pao*, 12 June 1952, hlm. 7; 18 August 1952, hlm. 7.

Walaupun kebanyakan sekolah kampung baru adalah sekolah Cina tetapi terdapat juga sebilangan sekolah Melayu dan Inggeris yang dibina di kampung baru. Contohnya, pada Februari 1952, sebuah sekolah Melayu dibuka di kawasan penempatan semula di Lubok Nibong dan di Sungai Choh, Batang Kali dan Hulu Yam Bharu, Hulu Selangor. Pada masa yang sama, sebuah sekolah Melayu sedang dibina di Kampung Kuantan, Hulu Selangor. Manakala sebuah sekolah Inggeris dibuka di Kuala Kubu Bharu pada Februari 1952.⁷⁹ Umur purata pelajar di sekolah ini biasanya lebih tua kerana kebanyakan mereka sebelumnya tinggal di kawasan terpencil yang menghadapi masalah mendapat perlindungan daripada pengganas komunis apalagi menyediakan kemudahan pendidikan bagi anak-anak mereka.⁸⁰ Kurikulum dan bahasa pengantar di sekolah kampung baru adalah tertakluk di bawah Undang-Undang Darurat agar memastikan lahirnya penduduk Tanah Melayu yang berpendidikan dan mematuhi undang-undang negara. Majoriti sekolah di kampung baru diarahkan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa vernakular sebagai bahasa pengantar. Tujuannya untuk melahirkan generasi yang berfikiran cenderung kepada Tanah Melayu dan berbahasa Inggeris.

Selain itu, sekolah kampung baru diminta menggunakan nama sempena tempat letaknya sekolah berkenaan. Ini bertujuan untuk mencetuskan rasa kepunyaan di kalangan pelajar sekolah tersebut. Tindakan itu juga membolehkan pelajar lebih memahami suasana di kawasan tempat tinggal mereka, di samping dapat menyelaraskan nama kampung dengan nama sekolah.⁸¹ Contohnya, sekolah di kawasan penempatan Fuji-Go, Negeri Sembilan, dicadangkan menggunakan nama Sekolah Kawasan Penempatan Semula Fuji-Go dan sekolah di Bukit Gelugor, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dikenali sebagai Sekolah Kawasan Penempatan Semula Bukit Gelugor.⁸² Ini kerana ia akan memberi kesan psikologi ke atas penghuni dan pelajar sekolah sekiranya hubungan antara sekolah dan kawasan penempatan semula masing-masing adalah jelas dan

gambaran perkauman dapat dihindarkan.⁸³ Namun demikian, hal ini tidak boleh dilakukan secara paksaan kerana ia akan menyimpang dari tujuan asal penukaran nama sekolah sebagaimana yang diharapkan oleh kerajaan. Perkara ini dinyatakan oleh G.R.A. Turnbull,⁸⁴ Setiausaha Jawatankuasa Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu dalam suratnya bertarikh 15 September 1952:

The object of requiring New Village Schools to take the name of the area in which they are situated is to induce in the school itself a sense of belonging to that area. If schools are forced to adopt such a name against their will, however, the name merely remains a symbol of Government "oppression" and the object of the change is defeated.⁸⁵

Dasar Pendidikan, 1948-1960

Tempoh 1948-1960 turut memaparkan usaha kerajaan dalam membentuk satu dasar pendidikan yang dapat menyatupadukan semua kaum di Tanah Melayu. Ini kerana kerajaan sedar pendidikan penting dalam menjauhkan penduduk Tanah Melayu daripada tipu muslihat komunis. Kepentingan pendidikan kepada penduduk Tanah Melayu dapat dilihat melalui kata-kata Pesuruhjaya Tinggi British Henry Gurney:

When people are educated you can only fool some of them for some of the time. When people can read and write, when they thus develop confidence, when they start to think for themselves, when they stop being once called mental slaves as distinct from economic slaves, they-the people-begin to sort out for themselves what is social justice, what is Communism and what is humping.⁸⁶

Namun demikian, jawatankuasa yang diwujudkan untuk menggubal dasar pendidikan kurang berjaya dan menimbulkan pertelingkahan di kalangan penduduk yang masing-masing ingin mempertahankan bahasa dan budaya kaumnya. Bagaimanapun, demi mencapai perpaduan dan kerjasama di kalangan penduduk serta menimbulkan kesedaran tentang bahaya ancaman komunis, berbagai dasar pendidikan digariskan agar dapat mengatasi keganasan komunis. Kerajaan merangka satu sukanan pelajaran yang merangkumi subjek seperti etnik, berbincang atau berhujah dengan lojik dan ilmu tatarakyat untuk melawan unsur subversif. Langkah ini diambil kerana kerajaan sedar

perlunya subjek itu diperkenalkan dalam kurikulum sekolah untuk menunjukkan kepada pelajar bahawa demokrasi dapat mengatasi kediktatoran komunis.⁸⁷

Atas kesedaran British bahawa sekolah menjadi medan perjuangan yang sangat penting dalam memenangi kesetiaan pemuda-pemudi Tanah Melayu, terutamanya orang Cina dalam pergerakan komunis, kerajaan mula mengambil alih dan membiayai semua sekolah supaya dapat meletakkan kawalan ke atas guru dan kurikulumnya. Kerajaan juga bertindak menutup sekolah Cina yang mempunyai hubungan dengan komunis. Sebaliknya, penganas komunis bertindak membakar dan memusnahkan sekolah di Tanah Melayu sebagai reaksi terhadap tindakan kerajaan mengawal sekolah. Antaranya, pada November 1948, dilaporkan sekolah di Kampung Senggang, Mentakab, Pahang, musnah dibakar oleh penganas komunis atas sebab yang tidak jelas.⁸⁸ Pada tahun 1949, sebuah sekolah di Serendah, Pulau Pinang, dibakar oleh penganas komunis setelah menembak guru sekolah berkenaan.⁸⁹ Dalam kejadian lain, pada 25 Februari 1950, segerombolan penganas komunis membakar sebuah sekolah di Kampung Buntut Pulau, Temerloh, Pahang.⁹⁰

Di Tanah Melayu sehingga November 1949, terdapat 576,000 kanak-kanak di sekolah. Angka tersebut hanya mewakili satu pertiga daripada kanak-kanak berumur enam hingga 12 tahun. Oleh itu, Pesuruhjaya Tinggi British mencadangkan supaya disediakan pendidikan percuma untuk semua kanak-kanak dalam lingkungan umur enam hingga 12 tahun. Cadangan ini akan melibatkan kos sebanyak \$240 juta. Beliau juga bersetuju bahawa semua sekolah bantuan kerajaan diwajibkan mengajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.⁹¹ Hal ini ditetapkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada November 1949. Walaupun bilangan kanak-kanak dari semua bangsa yang belajar kedua-dua bahasa ini tidak dapat diperolehi, tetapi berdasarkan laporan dari semua

negeri-negeri Melayu menunjukkan bahawa idea tersebut diterima baik dan kanak-kanak tidak sabar-sabar untuk belajar bahasa tersebut.⁹²

Pada 9 Februari 1950, Ordinan Pendaftaran Sekolah diluluskan di Majlis Perundangan Persekutuan. Di bawah Ordinan ini, semua sekolah perlu berdaftar. Pengurus dan guru sekolah yang tidak berdaftar adalah suatu kesalahan. Tujuan Ordinan ini diperkenalkan supaya tiada sekolah dan guru tidak mematuhi undang-undang.⁹³ Pada 12 Februari 1951, satu peraturan ke atas sekolah diumumkan. Antara lain, peraturan ini menetapkan setiap kelas dihadkan kepada 40 orang pelajar sahaja. Tujuannya untuk mengelakkan kesesakan dan mewujudkan suasana yang sesuai untuk belajar. Peraturan ini juga bertujuan menjaga kebajikan pelajar dan memelihara kebersihan dalam kelas dan sekitar sekolah. Begitu juga, pemeriksaan kesihatan pelajar dan guru dilakukan dari semasa ke semasa. Selain itu, peraturan ini juga menggariskan bahawa tiada sekolah dibenarkan untuk tujuan propaganda politik.⁹⁴ Peraturan menunjukkan pihak kerajaan sedar tentang kepentingan membentuk minda dan sahsiah seseorang kanak-kanak. Dengan peraturan ini, semakin kuatlah kawalan pihak kerajaan ke atas sekolah di Tanah Melayu. Selepas pilihanraya tahun 1952, kerajaan membuat beberapa pindaan ke atas sistem bantuan kerajaan yang ditawarkan kepada sekolah, khasnya sekolah Cina. Kerajaan bertanggungjawab ke atas kenaikan gaji tahunan guru sekolah Cina. Menurut Howse, Penyelia Pendidikan Cina Persekutuan Tanah Melayu, 45 sekolah Cina di Persekutuan memohon kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan bantuan kewangan di bawah sistem baru ini pada tahun 1952.⁹⁵ Pada akhir tahun 1953, 453 sekolah yang menyediakan lebih kurang 73% daripada pendaftaran pelajar di sekolah Cina memohon dan diterima di bawah skim bantuan kewangan.⁹⁶ Sementara itu, bantuan kewangan kerajaan yang diperuntukkan untuk pendidikan Cina meningkat dari \$421,480 pada tahun 1946 kepada \$1,320,000 pada tahun 1949.⁹⁷ Jumlah bantuan kewangan ini meningkat

kepada \$34 juta pada tahun 1950, \$78 juta pada tahun 1955, dan \$135 juta pada tahun 1958.

Begitu juga, pendidikan adalah satu unsur penting dalam kehidupan di semua kampung baru. Orang Cina mementingkan pendidikan. Penduduk Cina sangat ramai di kampung baru dan mereka meletakkan keutamaan kepada pembinaan sekolah. Kepentingan pendidikan kepada penduduk kampung baru turut diakui oleh MCA. Dalam hal ini, MCA cawangan Perak menyatakan:

... the important role which education will play in building a strong and independent nation. Self Government is precarious without educated, civic conscious and responsible citizens which can only be produced by a proper educational system. With this view, great attention is being paid to education in new villages where the demand for education is rapidly increasing and where the unhappy and underprivileged children of the illiterate squatters should be given adequate education facilities so that they will grow up to be useful, and responsible members of the Malayan community.⁹⁸

Pada awalnya, MCA menderma wang bagi membantu membina sekolah baru, tetapi kemudian mereka mendapati adalah mustahil untuk memenuhi semua permintaan daripada tabung yang ada.⁹⁹ Dalam pada itu, bantuan kerajaan bertambah beransur-ansur apabila kerajaan mula menghargai peranan yang dimainkan oleh pendidikan dalam perang menentang komunisme. Pada awal tahun 1952, bilangan murid yang berdaftar di kampung baru hanya kira-kira 40,000 atau kira-kira 39% daripada kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur persekolahan rendah (6-12 tahun). Ini kerana kebimbangan ibu bapa bahawa kanak-kanak akan diberi pendidikan yang mempunyai unsur komunis.¹⁰⁰ Pada tahun 1954, kemudahan baru dan penambahan bilangan guru membawa kepada kira-kira 60% kanak-kanak kampung baru di antara umur enam hingga 12 tahun memasuki sekolah.¹⁰¹ Keadaan ini menunjukkan aspek pendidikan mendapat perhatian selaras dengan rancangan penempatan semula.

Sekolah di kampung baru dikehendaki menitikberatkan aspek bercorak Tanah Melayu dan meningkatkan kepentingan pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris dalam

kurikulum.¹⁰² Dengan itu, sekolah ini secara beransur-ansur dapat memenuhi corak kebangsaan dalam pendidikan Tanah Melayu pada masa depan. Selain itu, juga diperkenalkan upacara menaikkan bendera Persekutuan dan negeri pada setiap pagi serta setiap kelas itu dibekalkan peta besar Tanah Melayu agar dapat membangkitkan semangat kenegaraan di kalangan kanak-kanak di kampung baru.¹⁰³ Hal ini dapat dilihat melalui *White Paper No. 33 of 1952*:

It is the hope of the Government that the Schools in these villages will not only help to make the children into useful citizens but they will exert a powerful influence for good in the lives of the adult population. It is important that these settlers should lose their sense of being shut off from other sections of the community and come to realise that they are social units with problems, interests and aspirations similar to those of the older towns and villages. By the assistance which the Government is affording, the inhabitants of the villages, through their committees of management, are encouraged to take an increasing interest and pride in their schools and to identify them with village society itself. Some Schools are already being used as community centres, as forums for the discussion of village matters and as adult education centres. In this way these schools may come to stand for progress and enlightenment and the development of a Malayan national consciousness in each village.¹⁰⁴

Satu aspek yang diberi penekanan dalam pendidikan di sekolah kampung baru ialah aktiviti luar bilik darjah seperti Pengakap,¹⁰⁵ Pandu Puteri dan permainan berkumpulan. Aktiviti ini memainkan bahagian penting dalam pendidikan agar pendidikan di kampung baru tidak terpisah daripada perkembangan sekolah secara umumnya di Tanah Melayu.¹⁰⁶ Di samping itu, aktiviti ini juga dapat memupuk semangat bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain yang amat diperlukan oleh negara dalam zaman darurat. Dengan itu, kestabilan sosial dapat ditingkatkan melalui pendidikan.

Pada awal tahun 1952, sekolah kampung baru menerima \$1,400 untuk pembinaan setiap kelas baru, \$1,500 untuk setiap tempat tinggal guru dan bantuan \$10 untuk kos buku, perabot dan kelengkapan bagi setiap murid.¹⁰⁷ Pada tahun 1953, Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Kewangan Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan wang sejumlah \$1,085,000 untuk membina sekolah dan rumah guru di kampung baru Cina.¹⁰⁸ Dalam

surat J.A. Aitken,¹⁰⁹ Setiausaha Eksekutif Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Selangor bertarikh 26 Februari 1954, ada menyatakan sejumlah besar sekolah dibina di kampung baru dengan bantuan kewangan kerajaan.¹¹⁰ Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dan Negeri menambahkan perbelanjaan ke atas pendidikan pada tahun-tahun seterusnya dan *Annual Report on Education 1954* mendakwa bahawa tidak terdapat kampung baru yang mempunyai penduduk lebih daripada 400 orang berada di luar sebuah sekolah yang berhampiran.¹¹¹ Keadaan ini menunjukkan kerajaan sedar betapa pentingnya pendidikan kepada penduduk kampung baru supaya kanak-kanak di kampung baru dapat diauhkan daripada bekerjasama dengan komunis. Skim pembiayaan kerajaan membuka jalan kepada campurtangan kerajaan dalam sekolah di kampung baru. Pegawai Penempatan Semula menegakkan kawalan ke atas ahli jawatankuasa pengurusan sekolah yang dipilih. Semua sekolah, pengurus dan guru dikehendaki mendaftarkan diri kepada pendaftar sekolah di negeri atau kawasan penempatan itu. Kegiatan mereka dikawal ketat oleh pihak pendaftar. Pada tahun 1953, kerajaan mula memperkenalkan buku teks yang berorientasikan Tanah Melayu.

Pendidikan untuk Orang Asli juga diberi perhatian dalam tempoh 1948-1960. Pada 19 Julai 1952, sekolah pertama untuk kanak-kanak Orang Asli dibuka di Kampung Tekir, daerah Labu, Negeri Sembilan. Seramai 27 kanak-kanak Orang Asli mendaftarkan diri di sekolah berkenaan. Sekolah itu dibina dengan bantuan kewangan kerajaan dan boleh memuatkan seramai 50 pelajar.¹¹² Pada tahun 1953, sebuah sekolah untuk kanak-kanak Orang Asli ditubuhkan di Batu 3, Jalan Cameron Highlands, Pahang dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Sekiranya pengangkutan dapat disediakan, sekolah itu dapat menerima kira-kira 100 orang pelajar. Sekolah ini dibina oleh Orang Asli dari bahan-bahan hutan dan dinamakan *The Williams-Hunt Aboriginal Memorial School*. Selain itu, sekolah Orang Asli juga dibina di Fort Iskandar, selatan Pahang/Negeri

Sembilan.¹¹³ Pembinaan sekolah untuk kanak-kanak Orang Asli penting demi memenangi sokongan mereka. Hal ini dinyatakan oleh Pegawai Daerah Kuala Lipis, Pahang, J.A. Harvey:¹¹⁴

The whole point is to get the people to come to the Fort [jungle fort] and to send their children to it, so that they will come to depend upon it. One they do depend on it, perhaps we shall win them away from the CTs and also they may be willing to give us information and even to work for us.¹¹⁵

Bilangan Orang Asli yang hadir di sekolah meningkat pada tahun 1955, sama ada di sekolah yang didirikan di *jungle fort* atau sekolah di luar dari kawasan hutan. Pada tahun 1955, sejumlah 529 Orang Asli yang hadir di sekolah sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 15. Jadual ini menunjukkan sejumlah 191 Orang Asli hadir di sekolah di *jungle fort* dan 338 Orang Asli hadir di sekolah di luar dari kawasan hutan pada tahun 1955. Antaranya, 38 orang hadir di sekolah *jungle fort* yang dibina di Perak. Di Pahang, terdapat 85 Orang Asli hadir di sekolah *jungle fort* dengan 58 orang di sekolah yang didirikan di luar dari kawasan hutan. 19 Orang Asli pula hadir di sekolah *jungle fort* di Kelantan. Manakala di Negeri Sembilan, pada tahun 1955, terdapat 49 Orang Asli yang hadir di sekolah *jungle fort* dengan 67 orang di sekolah yang didirikan di luar dari kawasan hutan. Johor dan Selangor masing-masing mempunyai 43 Orang Asli dan 170 orang yang hadir di sekolah di luar dari kawasan hutan. Pada tahun 1955, di Perak dan Kelantan masih tidak terdapat Orang Asli yang belajar di sekolah di luar dari kawasan hutan. Sementara itu, sehingga tahun 1955, tiada Orang Asli yang hadir di sekolah yang dibina di *jungle fort* Orang Asli di Johor dan Selangor.

Jadual 15
Bilangan Orang Asli yang Hadir di Sekolah Mengikut Negeri Pada Tahun 1955

Negeri	<i>Jungle Fort</i>	Sekolah di Luar Dari Kawasan Hutan	Jumlah
Perak	38	-	38
Pahang	85	58	143
Kelantan	19	-	19
Negeri Sembilan	49	67	116
Johor	-	43	43
Selangor	-	170	170
Jumlah	191	338	529

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 280.

Pada tahun 1956, 36 sekolah Orang Asli yang dihadiri oleh 1,162 pelajar adalah di bawah pengendalian Jabatan Orang Asli. Di samping itu, terdapat 13 kanak-kanak lelaki Orang Asli yang menghadiri sekolah Inggeris pada tahun 1956.¹¹⁶

Dengan itu, jelas bahawa pihak kerajaan tidak pernah mengabaikan perkembangan pendidikan walaupun pada zaman darurat. Ini kerana kerajaan sedar bahawa pendidikan adalah alat penting untuk menyatukan penduduk berbilang kaum dan melahirkan penduduk yang berkesedaran kebangsaan. Ekoran daripada itu, komunis tidak lagi mempunyai alasan untuk mempergunakan golongan belia Tanah Melayu bagi memperjuangkan kepentingan mereka dan melanjutkan kekacauan di negara ini. Contohnya, di Selangor, terdapat peningkatan dalam pendaftaran pelajar di semua jenis sekolah dan peningkatan bilangan sekolah. Pada Disember 1949, terdapat 639 sekolah dengan 96,833 pelajar. Pada Disember 1950 pula, 650 sekolah dengan 104,656 pelajar dan terdapat sejumlah 627 sekolah dengan 106,191 pelajar pada Disember 1951.¹¹⁷ Begitu juga, pembinaan sekolah, khasnya sekolah Inggeris dan Melayu diambil kira dalam Rancangan Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1950-1952.

Antaranya, menurut skim yang dirancangkan oleh Jabatan Pendidikan, sejumlah 50 buah sekolah rendah Inggeris siap dibina menjelang tahun 1953. Ini termasuklah 12 di Kedah, dua di Kelantan, lima di Melaka, tujuh di Negeri Sembilan, dua di Pahang, empat di Perak, dua di Terengganu, tiga di Selangor, 11 di Johor dan dua di Pulau Pinang. Manakala jumlah sekolah Melayu pula ialah 99; yang merangkumi Kedah 31, Kelantan 12, Melaka tiga buah, tujuh buah di Negeri Sembilan, dua di Pahang, Perlis 10, Selangor dan Johor 13 masing-masing, enam buah di Pulau Pinang serta Terengganu dan Perak sebuah masing-masing.¹¹⁸

Darurat juga menjadi satu faktor yang menyebabkan kerajaan menubuahkan jawatankuasa untuk penggubalan dasar pendidikan Tanah Melayu. Ini kerana kerajaan merasakan perlunya kanak-kanak di Tanah Melayu dididik dengan ilmu pengetahuan yang boleh memupuk perasaan cinta dan taat setia terhadap tanahair. Tambahan pula, keadaan di Tanah Melayu pada akhir tahun 1940-an dan 1950-an mendorong British mengkaji semula kedudukan pendidikan di Tanah Melayu ketika itu. Pendidikan Melayu dan India bukan bertujuan untuk memajukan mereka ke depan. Begitu juga, didapati sekolah Cina semakin menyeleweng daripada aspirasi nasional.¹¹⁹

Pada Oktober 1949, kerajaan British mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Pusat (mengenai pendidikan) (*Central Advisory Committee/CAC*) bagi menasihat kerajaan dalam melaksanakan dasar pendidikan di Tanah Melayu. Tujuan utamanya ialah mencari jalan supaya tercapai objektif utama dasar pendidikan, iaitu mewujudkan masyarakat yang bersatu padu di kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum.¹²⁰ M.R. Holgate,¹²¹ dilantik menggantikan Cheeseman sebagai Pengarah Pendidikan dan mengetuai CAC. Perjumpaan pertama CAC diadakan pada 13 Disember 1949. Laporan pertamanya siap pada Mei 1950. Jawatankuasa menyimpulkan bahawa sistem pendidikan patut diamalkan di Tanah Melayu melalui penggunaan satu bahasa pengantar, dan budaya

bangsa harus dipelihara.¹²² Dalam hal ini, Jawatankuasa berpendapat bahasa Inggeris harus digunakan dalam pendidikan memandangkan kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi. Ini kerana bahasa Inggeris sedia diterima oleh semua penduduk sebagai bahasa pengantar.¹²³ Jawatankuasa juga menekankan walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa yang dapat diterima oleh semua kaum; bahasa Melayu juga penting sebagai bahasa ibunda orang Melayu, dan sebagai bahasa kedua bagi kaum lain untuk tujuan kerakyatan. Oleh itu, Jawatankuasa menganjurkan pendidikan rendah percuma diadakan dalam dua jenis sekolah, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai satu subjek wajib dan sekolah Melayu dengan bahasa Inggeris sebagai satu subjek wajib. Sekolah itu dibuka kepada kanak-kanak daripada semua bangsa yang dilahirkan di negara ini. Di samping itu, kedua-dua jenis sekolah itu ada menyediakan kemudahan untuk belajar bahasa Cina dan Tamil.¹²⁴

Berikutnya, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L.J. Barnes¹²⁵ dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi Henry Gurney pada Ogos 1950. Ia ditugaskan untuk mengkaji sistem pendidikan vernakular Melayu dan kemudahan pendidikan untuk orang Melayu. Jawatankuasa ini terdiri daripada sembilan orang Melayu dan lima ahli bangsa Eropah. Ahli Jawatankuasa Barnes termasuklah L.J. Barnes, Tunku Ya'acob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah,¹²⁶ Mahmood Mahyidden,¹²⁷ Dr. Mustapha bin Osman,¹²⁸ L.I. Lewis,¹²⁹ L.D. Whitfield,¹³⁰ E.M.F. Payne,¹³¹ N.B. MacDonald,¹³² Tom bt. Dato Abdul Razak,¹³³ Aminuddin Bakri,¹³⁴ Zainal Abidin bin Sultan Mydin,¹³⁵ Tuan Syed Esa bin Alwee,¹³⁶ Tuan Syed Nasir bin Ismail¹³⁷ dan Mohamed Nor bin Sulaiman.¹³⁸ Tiada seorang pun wakil daripada kaum Cina atau India.¹³⁹ Laporan mereka diterbitkan pada 10 Jun 1951 dan dikenali sebagai Laporan Barnes. Secara umumnya, Laporan Barnes mengajukan pembasmian sekolah vernakular Melayu, Cina dan India. Sebaliknya, ia mencadangkan penubuhan sekolah kebangsaan peringkat pendidikan

rendah, untuk kanak-kanak dari umur enam hingga 12 tahun. Sekolah kebangsaan ini bertujuan melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.¹⁴⁰ Antaranya, Laporan Barnes membayangkan keadaan hubungan kaum yang semakin runcing di Tanah Melayu, maka satu jenis sistem pendidikan yang sama untuk semua kaum adalah perlu. Jawatankuasa ini berasa bahawa cara yang terbaik untuk mengubah sikap pendatang ialah dengan mengadakan hanya satu aliran persekolahan, terutama di peringkat rendah, iaitu dengan mengadakan sekolah rendah antara kaum yang dipanggil sekolah kebangsaan.¹⁴¹ Dengan itu, boleh dikatakan Laporan Barnes adalah satu percubaan menuju ke arah perpaduan negara melalui pendidikan satu aliran di sekolah kebangsaan pada peringkat rendah. Sehubungan dengan ini, Laporan Barnes mengesyorkan satu corak pendidikan yang dapat mencipta satu rupa bangsa yang bercorak Tanah Melayu dan berdasarkan percampuran kaum. Jawatankuasa merasakan bahawa dengan mengadakan sekolah kebangsaan di mana semua kanak-kanak diajar dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rasa perpaduan atau integrasi antara kaum di Tanah Melayu dapat diwujudkan. Mereka berpendapat bahawa sekolah yang berbagai bahasa pengantar adalah berlawanan dengan cita-cita integrasi dan perpaduan nasional. Dalam kata lain, Jawatankuasa Barnes mencadangkan supaya semua sekolah yang wujud ditukar beransur-ansur kepada sekolah kebangsaan. Dengan itu, sekolah Cina dan India dapat dihapuskan memandangkan aktiviti sekolah Cina, khasnya semakin cenderung ke arah subversif. Laporan Barnes mengesyorkan sekolah vernakular seharusnya digantikan dengan sekolah rendah kebangsaan untuk semua kaum, iaitu sekolah kebangsaan yang dwibahasa, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.¹⁴² Selaras itu, Jawatankuasa Barnes mencadangkan bantuan kewangan Negeri dan Pusat kepada sekolah Cina dan India dihapuskan untuk melemahkan dan menamatkan sistem persekolahan bersifat perkauman. Segala perhatian dan bantuan diberi keutamaan kepada sekolah kebangsaan.¹⁴³

Berdasarkan asas sekolah kebangsaan ini dapat melahirkan struktur baru dalam pendidikan Tanah Melayu yang tidak bersifat perkauman. Penghapusan bantuan kewangan kerajaan kepada sekolah vernakular ditentang oleh kaum bukan Melayu. Bantahan orang India, contohnya, dapat dilihat melalui surat MIC cawangan Seberang Prai, 24 Ogos 1951 kepada Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang:

... this meeting (15th August 1951) of Indians of Prai unanimously reject the proposals stated in the Barnes Report on Malays Education to discourage or withdraw Government Aid to Vernacular Schools.¹⁴⁴

Laporan Barnes mendapat kritikan daripada H.R. Cheeseman, bekas Pengarah Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu. Beliau mengatakan bahawa cadangan Jawatankuasa Barnes mengenai penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah merupakan beban kepada 477,000 kanak-kanak di negara ini. Ini kerana 477,000 kanak-kanak yang tidak menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris di rumah, diminta belajar kedua-dua jenis bahasa secara serentak sebagai syarat untuk memasuki sekolah.¹⁴⁵ Dalam siri artikel beliau yang diterbitkan dalam akhbar *The Straits Times* pada 4, 5 dan 6 September 1951, Cheeseman mengecam Laporan dan cadangan Jawatankuasa Barnes sebagai *educationally unsound*.¹⁴⁶ Selain itu, Cheeseman mengaitkan hal pendidikan orang Melayu dengan keadaan ekonomi mereka. Beliau menyalahkan kemunduran ekonomi yang menyebabkan orang Melayu tidak mampu mengembangkan pendidikan mereka dan tidak layak menyertai sekolah Inggeris. Dalam hal ini, beliau menyatakan Jawatankuasa Barnes telah mengabaikan kelemahan asas orang Melayu, iaitu ekonomi dan bukan soal pendidikan.¹⁴⁷

Laporan Barnes menimbulkan tentangan dan kesangsian orang bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina kerana mereka tidak diwakili dan dibawa berunding. Yang paling membimbangkan orang Cina ialah saranan Jawatankuasa Barnes itu dapat menggugat pelajaran, bahasa dan budaya mereka. Bagi orang Cina di Tanah Melayu, soal

pendidikan secara intinya adalah soal budaya. Mereka menganggap bahawa penghapusan sekolah Cina sebagai dasar menindas budaya Cina.¹⁴⁸ Orang Cina berasa hampa kerana pendidikan Cina gagal dilindungi oleh kerajaan. Pada pendapat mereka, Laporan Barnes adalah tidak adil kerana ia hanya mementingkan persekolahan Melayu sahaja sedangkan sekolah dan budaya Cina tidak ditekankan. Orang Cina juga berpendapat Laporan Barnes sebagai satu ancaman terhadap pencapaian pendidikan Cina yang selama ini bergantung kepada usaha mereka sendiri. Mesyuarat wakil orang Cina Perak pada 8 Julai 1951 sebulat suara membantah Laporan Barnes. Mereka beranggapan penghapusan sekolah vernakular bermakna memusnahkan budaya kaum. Mereka juga berpendapat orang Cina yang tidak tahu berbahasa Cina adalah sesuatu yang amat memalukan.¹⁴⁹ Pada Ogos 1951, institusi pendidikan Cina dan badan awam di Perak membantah langkah kerajaan Persekutuan menerima Laporan Barnes. Antara alasan mereka ialah kerajaan menjalankan usaha untuk menghapuskan sekolah vernakular bukan Melayu, dan bahasa bukan unsur menunjukkan kesetiaan sesuatu bangsa kepada negara.¹⁵⁰ Dalam pada itu, akhbar *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 Jun 1951, menyamai penghapusan bahasa dengan penghapusan semangat kaum kerana ia manganggap budaya dan bahasa berkait rapat antara satu sama lain. Akhbar ini seterusnya menyatakan bahawa segala percubaan menghapuskan bahasa sesuatu kaum adalah merbahaya kerana akan membangkitkan permusuhan antara kaum.¹⁵¹

Sementara itu, ibubapa Cina berharap anak-anak mereka dapat menamatkan pendidikan rendah melalui *Kuo Yu* (bahasa Mandarin). Ini dapat dilihat melalui pendaftaran kanak-kanak Cina di sekolah Cina yang meningkat dari lebih kurang 172,000 pada November 1946 kepada 257,781 pada Julai 1953.¹⁵² Orang Cina di Johor turut mengambil berat terhadap cadangan Jawatankuasa Barnes. Selaras itu, satu perjumpaan diadakan oleh MCA, Johor Bahru, Johor pada 4 Ogos 1951, di antara pengetua dan ahli

jawatankuasa sekolah Cina untuk membincangkan Laporan Barnes. Mereka menolak pendapat bahawa penubuhan sekolah kebangsaan akan menghapuskan budaya Cina. Namun demikian, mereka berpendapat bagi membentuk satu bangsa Tanah Melayu yang bersatu, tidak perlu bergantung kepada bahasa pengantar. Ia bergantung kepada kesefahaman dan kerjasama antara berbagai kaum dan ini hanya dapat dicapai sekiranya penduduk Tanah Melayu dapat saling menghormati budaya mereka antara satu sama lain.¹⁵³ Pada 23 Ogos 1951, satu perjumpaan antara guru sekolah Cina dari seluruh Tanah Melayu diadakan di Selangor. Dalam perjumpaan itu, mereka menyatakan bantahan terhadap penghapusan sekolah vernakular dan berpendapat pendidikan Cina harus dianggap sebagai sebahagian daripada pendidikan Tanah Melayu.¹⁵⁴ Wakil-wakil Pertubuhan Cina dan Sekolah Cina di Kedah juga menyatakan bantahan mereka terhadap Laporan Barnes. Antaranya, mereka menyatakan penghapusan sekolah vernakular sebagaimana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Barnes adalah satu penghinaan terhadap sesuatu bangsa. Penubuhan sekolah kebangsaan pula dilihat sebagai cara untuk menyembunyikan budaya bangsa lain dan dikaitkan juga dengan motif politik. Mereka turut mempersoalkan, adakah budaya barat dapat menggantikan budaya timur? Adakah budaya barat juga mempunyai sejarah yang begitu lama berbanding dengan budaya timur?¹⁵⁵ Dalam memorandum Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang pula, ditegaskan Laporan Barnes tidak diterima oleh orang Cina kerana ia bukan sahaja tiada peruntukan untuk mengajar bahasa Cina di sekolah kebangsaan tetapi juga mencadangkan penghapusan sekolah vernakular Cina.¹⁵⁶ Secara umumnya, sebab utama Laporan Barnes mendapat kritikan daripada orang bukan Melayu, terutamanya orang Cina adalah kerana mereka khawatir bahasa dan budaya mereka akan dihapuskan. Di samping itu, orang Cina juga menganggap Laporan Barnes sebagai satu percubaan untuk me'Malayan'kan sistem pendidikan Cina. Ini merujuk kepada pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris sebagai

bahasa utama di sekolah. Perkara ini juga dilihat sebagai tindakan kerajaan untuk menghapuskan cara hidup dan budaya orang Cina serta India di negara ini.¹⁵⁷ Masyarakat Cina berpendapat bahasa bukan isu utama dalam menyatukan penduduk Tanah Melayu, sebaliknya dicadangkan unsur penyatuan antara kaum dapat disalurkan melalui buku teks dan kurikulum yang berorientasikan Tanah Melayu. Dalam hal ini, contohnya pihak MCA mencadangkan:

Unity of hearts and minds in Malaya, we suggest, can best be achieved through Malayan reorientation of text books and curriculum common to all schools in Malaya, whatever their language-medium of instruction.¹⁵⁸

Usul MCA tersebut dialu-alukan oleh pihak sekolah Cina di Tanah Melayu. Mereka bersedia untuk menyesuaikan buku teks sekolah Cina dengan buku teks yang berlatarbelakangkan kehidupan di Tanah Melayu.¹⁵⁹

Pada masa yang sama, orang India juga menghantar memorandum untuk menunjukkan ketidaksetujuan mereka tentang cadangan dalam Laporan Barnes. Sebagaimana orang Cina, mereka juga ingin mempertahankan bahasa dan budaya mereka daripada pupus di Tanah Melayu. Wakil dari lebih 20 pertubuhan dan kesatuan sekerja India Perak berhimpun di Persatuan India Selatan Perak, Teluk Intan, Perak, pada hari Ahad, 1 Julai 1951. Dalam perhimpunan itu, mereka mencapai resolusi berikut:

- (a) That the Indian Community regrets to note that Barnes Report recommends the abolition of Vernacular Schools. We want education in our mother tongue, the Indian Language, to be continued with the support of the Government as hitherto.
- (b) While we do not wish to interfere with the plans of Government and are not opposed to the National Schools as such for Malay Children, we strongly feel that Indian children should receive their primary education in their mother tongue before they are taught any other language.¹⁶⁰

Dalam memorandum berkenaan, mereka meminta agar Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu mempertimbangkan usaha komuniti India di Tanah Melayu dalam perjuangan memelihara bahasa dan warisan budaya mereka.¹⁶¹

Dalam hal ini, akhbar *Kin Kwok Daily News*, bertarikh 10 Julai 1951, menerangkan bahawa penentangan orang Cina dan India terhadap Laporan Barnes bukan bertujuan menentang penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris dalam pengajaran di sekolah, tetapi cuma tidak setuju dengan pengenalan penggunaan dua bahasa itu kepada kanak-kanak bukan Melayu pada peringkat awal persekolahan mereka.¹⁶² Sementara itu, E.E.C. Thuraisingham, Menteri Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu, menekankan bahawa Laporan Barnes bertujuan melaksanakan pendidikan percuma untuk dinikmati oleh kanak-kanak dari semua bangsa dan beliau menafikan ia adalah untuk menghapuskan pendidikan vernakular.¹⁶³ Dalam hal ini, L.I. Lewis, Penolong Pengarah Pendidikan Cina cuba menafikan sangkaan orang Cina terhadap kemungkinan budaya mereka akan terhapus ekoran daripada Laporan Barnes.¹⁶⁴

Pihak UMNO yang menyokong baik Laporan Barnes pula mendesak kerajaan supaya mengadakan sekolah kebangsaan yang dicadangkan dalam Jawatankuasa Barnes dengan secepat mungkin.¹⁶⁵ Sementara itu, Laporan Barnes disambut baik oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Pelajar Melayu (*Federation of Malay Students Unions*), terutamanya berkenaan dengan sekolah kebangsaan.¹⁶⁶ Begitu juga, Pesuruhjaya Tinggi British Henry Gurney menekankan keperluan membentuk sekolah kebangsaan yang mana kanak-kanak daripada semua bangsa dapat belajar bersama. Secara umum, beliau juga bersetuju bahawa sekolah jenis ini membentuk benteng pertahanan yang kukuh dalam melawan komunis.¹⁶⁷

Dengan adanya tentangan kaum Cina terhadap Laporan Barnes, satu jawatankuasa ditubuhkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Henry Gurney pada tahun 1951 bagi menenangkan perasaan orang Cina. Ia ditugaskan untuk mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu dengan menitikberatkan pengkajian untuk menyesuaikan sistem persekolahan yang bercorak perkauman dengan sistem persekolahan bercorak kebangsaan.¹⁶⁸ Matlamat

utamanya ialah untuk merapatkan jurang perbezaan di antara pendidikan yang bercorak perkauman dengan pendidikan yang bercorak perpaduan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk memberi nasihat tentang penyeliaan buku teks yang berlatarbelakangkan kehidupan di Tanah Melayu sebagai satu cara untuk mengasimilasikan keturunan Cina ke dalam masyarakat Tanah Melayu.¹⁶⁹ Jawatankuasa dipengerusikan bersama oleh Dr. William P. Fenn,¹⁷⁰ seorang ahli Lembaga Amanah Sekolah Tinggi China dan Dr. Wu Teh-yao,¹⁷¹ seorang pakar pendidikan dari pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.¹⁷² Tujuan misi ini sebagaimana yang dijelaskan dalam memorandum mengenai Pendidikan Cina di Tanah Melayu bertarikh 15 Januari 1954:

To survey sympathetically but objectively the entire field of the education of Chinese in Malaya, and to recommend such constructive changes and improvements as would lead to the Chinese schools making the great contribution to the future welfare and happiness of the people of Malaya and, in particular, of the Chinese who have chosen that prosperous land as their home.¹⁷³

Keperluan Jawatankuasa Fenn-Wu untuk mengkaji pendidikan Cina timbul kerana keadaan darurat di Tanah Melayu telah menyebabkan kerajaan memberi perhatian dan berusaha mencari penyelesaian ke atas masalah di sekolah Cina. Sekiranya keinginan penduduk Cina tidak dipertimbangkan, maka sukar untuk mendapat sokongan dan keyakinan mereka dalam usaha kerajaan menangani masalah komunis di Tanah Melayu.

Laporan Fenn-Wu mengenai pendidikan Cina yang diterbitkan pada Jun 1951,¹⁷⁴ menghangatkan lagi suasana pada masa itu. Laporan Fenn-Wu secara tidak langsung mempertahankan kedudukan sekolah Cina di Tanah Melayu. Laporan itu menunjukkan simpati terhadap pendidikan vernakular Cina. Selain itu, berusaha menunjukkan sekolah vernakular boleh memberi sumbangan berkesan ke arah pembentukan penduduk Tanah Melayu yang bersatu padu dan menggalakkan kesedaran nasional. Laporan itu turut mengkritik keadaan sekolah Cina yang kekurangan kelengkapan dan guru terlatih.

Seterusnya, mendesak sekolah itu diteruskan dan diberi bimbingan serta bantuan kewangan berdasarkan objektif pendidikan dan bukan tujuan politik.¹⁷⁵ Dr. Fenn dan Dr. Wu menegaskan bahawa sekiranya bahasa Melayu diakui sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, maka bahasa Cina tidak harus diabaikan. Begitu juga, orang Cina di Tanah Melayu bersedia menerima tiga bahasa dan harus digalakkan berbuat demikian. Dengan demikian, sekolah Cina dapat disatukan dalam sistem pendidikan kebangsaan dan tidak akan dihapuskan. Jawatankuasa itu turut menegaskan bahawa oleh sebab bahasa Cina adalah salah satu bahasa yang terbesar di dunia; keindahan dankekayaannya tidak dapat dipersoalkan, maka pendidikan Cina patut diteruskan seiring dengan pendidikan dalam bahasa lain.¹⁷⁶ Laporan itu menambahkan lagi bahawa sekolah Cina tidak boleh dihapuskan sehingga orang Cina sendiri membuat keputusan bahawa pendidikan Cina tidak diperlukan lagi. Namun demikian, Jawatankuasa Fenn-Wu menyatakan detik itu tidak akan tiba.¹⁷⁷ Sebaliknya, ia menyatakan bahawa sekolah Cina akan berterusan di Tanah Melayu untuk satu masa yang panjang dan sebarang percubaan untuk menghancurkan sekolah itu tidak akan berhasil. Dengan demikian, nyatahah Laporan Fenn-Wu mengakui keperluan kewujudan sekolah Cina. Ia juga berusaha mengekalkan pendidikan Cina dan mencari suatu tempat yang sesuai bagi sekolah Cina dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Walaupun Jawatankuasa Fenn-Wu mengecam penyata sekolah kebangsaan yang berbentuk dwibahasa, ia menolak penekanan yang berlebihan dalam memelihara ciri-ciri keCinaan di sekolah Cina. Laporan Fenn-Wu menasihatkan orang Cina supaya jangan terlalu menitikberatkan unsur keCinaan di sekolah Cina, sambil menjelaskan bahawa tidak ada faedah memelihara bentuk, cara dan isi pendidikan Cina. Laporan ini mencadangkan bahawa politik asing dalam apa-apa bentuk pun harus dihapuskan dari sekolah Cina. Sementara itu, buku teks yang diperkenalkan hendaklah bersetujuan untuk

kegunaan di Tanah Melayu.¹⁷⁸ Pendek kata, Laporan Fenn-Wu yang mencadangkan pengekalan sekolah vernakular Cina, turut mencadangkan perubahan dalam pendidikan di sekolah Cina.

Laporan Fenn-Wu disambut baik oleh Heah Joo Seang, Presiden Persatuan Pendidikan Penduduk Pulau Pinang (*Penang Peoples Education Association*) dan Pengurus Sekolah Han Chiang, Pulau Pinang kerana terdapat peningkatan dalam bantuan kewangan kerajaan dan pembaharuan dalam buku teks. Sementara itu, Saw Seng Kew, Setiausaha Sekolah Chung Ling dan Sekolah Perempuan Fukien, Pulau Pinang, menyokong Laporan Fenn-Wu kerana budaya orang Cina diperuntukkan tempat yang penting dalam rancangan pendidikan di negara ini. Selain itu, beliau menyatakan bahawa masa sudah sampai bagi kerajaan untuk merancang program jangka panjang bagi meningkatkan taraf pendidikan Cina di negara ini.¹⁷⁹

Dengan itu, jelaslah kedua-dua Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu menunjukkan bahawa masalah kritikal dalam pendidikan adalah berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan India sebagai bahasa pengantar dalam proses pendidikan serta peranan masaing-masing dalam pembinaan bangsa. Di satu pihak, pengekalan sekolah Cina dan India dilihat sebagai satu halangan kepada pembentukan identiti kebangsaan. Di pihak yang lain, penghapusan sekolah Cina pula dilihat membawa kepada “penindasan” dan “kepupusan” budaya Cina yang merupakan identiti asas orang Cina. Dalam hal ini, nampaknya pemimpin Cina bukanlah menentang satu sistem pendidikan kebangsaan atau penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi kerisauan mereka adalah berkaitan dengan penyisihan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa perantaraan dalam pengajaran di sekolah. Begitu juga, bantahan orang India terhadap Laporan Barnes adalah untuk memelihara bahasa dan budaya mereka di Tanah Melayu.

Manakala pihak kerajaan tidak bercadang untuk meminta laporan mengenai pendidikan India sebagaimana Laporan Barnes untuk pendidikan Melayu dan Laporan Fenn-Wu bagi pendidikan Cina. Ini kerana kerajaan mendapati tiada masalah khusus yang wujud dalam pendidikan India. Bagaimanapun, wakil India akan dipilih dalam proses membuat dasar pendidikan untuk Tanah Melayu.¹⁸⁰ Namun demikian, kaum India melantik satu jawatankuasa yang mengandungi 24 ahli, termasuklah K.L. Devaser¹⁸¹ sebagai pengurus dan V.J. Somasundram¹⁸² sebagai setiausaha untuk memberi cadangan terhadap keadaan pendidikan India di Tanah Melayu agar kaum India berpeluang mendapat pendidikan yang setaraf dengan kaum lain.¹⁸³ Jawatankuasa Pendidikan India dibentuk dalam suatu mesyuarat antara berbagai institusi pendidikan dan budaya India yang diadakan di bawah naungan MIC di Kuala Lumpur pada 30 Jun 1951. Jawatankuasa berpendapat kerajaan juga harus melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pendidikan India sebagaimana pendidikan Melayu dan Cina. Tambahan pula, kaum India membentuk kumpulan ketiga besar di kalangan penduduk Tanah Melayu. Oleh itu, keperluan pendidikan untuk golongan ini tidak patut diabaikan dan semua dasar pendidikan harus juga merangkumi kepentingan kaum India.¹⁸⁴ Jawatankuasa ini menegaskan bahawa pendidikan asas harus dijalankan dalam bahasa ibunda, tetapi Jawatankuasa Barnes telah menafikan kepentingan ini kepada kaum bukan Melayu. Statistik penduduk Tanah Melayu pada 31 Disember 1950 menunjukkan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu berjumlah 2,612,777 orang; orang Cina 2,034,986 orang; orang India 601,056 orang dan lain-lain 53,891 orang. Memandangkan jumlah penduduk bukan Melayu yang ramai, bahasa ibunda mereka harus dimasukkan dalam kurikulum pendidikan.¹⁸⁵ Jawatankuasa Pendidikan India juga menganggap Laporan Barnes hanya menyebelahi satu pihak sahaja dan adalah tidak adil bagi penduduk bukan Melayu.

Dalam hal ini, Jawatankuasa mengambil contoh dari Perenggan 17, Bahagian IV, Laporan Barnes yang menyatakan:

When all this has been said the fact remains that Chinese and Indians are asked to give up gradually their own Vernacular Schools and to send their children, not indeed to Malay Schools in the present meaning of the term but schools where Malay is the only Oriental Language taught.¹⁸⁶

Jawatankuasa juga menyatakan sekolah kebangsaan bukanlah bersifat kebangsaan dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi adalah sekolah kebangsaan Melayu di mana kanak-kanak bukan Melayu tidak dapat belajar bahasa lain kecuali bahasa Melayu. Sekolah kebangsaan yang sebenarnya harus menyediakan pendidikan rendah dalam bahasa Melayu, Cina dan India. Jawatankuasa turut menjelaskan budaya dan nasionalisme Tanah Melayu yang akan dibentuk di Tanah Melayu dan bukan budaya dan nasionalisme Melayu. Oleh itu, kepentingan kaum bukan Melayu harus diambil kira. Jawatankuasa bersetuju bahawa buku teks harus berdasarkan latar belakang Tanah Melayu dan memperkenalkan aspek budaya Asia dan dunia. Jawatankuasa mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa khas dilantik untuk meneliti soal buku teks.¹⁸⁷ Pendek kata, Jawatankuasa menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini, tetapi risau bahawa kanak-kanak bukan Melayu terganggu dalam memperbelajari bahasa dan budaya mereka sendiri. Jawatankuasa sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa dan semua bangsa di Tanah Melayu untuk melahirkan rakyat yang berlatarbelakangkan Tanah Melayu serta setia kepada Tanah Melayu.¹⁸⁸ Secara umumnya, masyarakat India kurang bersetuju dengan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu kerana kedua-dua laporan ini dianggap tidak sesuai untuk seluruh penduduk Tanah Melayu.

Keputusan kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Barnes dan Fenn-Wu telah menyebabkan lahirnya dua laporan yang menimbulkan pertikaian. Dengan itu, kedua-dua laporan itu dirujukkan kepada CAC pada Julai 1951 untuk diteliti. CAC terdiri daripada

20 ahli, termasuk empat orang Cina. Mereka ialah L.D. Whitfield (pengurus), J.E. Pepper,¹⁸⁹ M. Lomas,¹⁹⁰ Rev. Bro. Barnitus,¹⁹¹ Cheah Inn Kiong,¹⁹² Chong Khoon Lin,¹⁹³ G.P. Dartford, Rev. R. Kesselring,¹⁹⁴ T.B. Gopalkrishnan, Lee Mun Yui, Leung Cheung Ling,¹⁹⁵ F. Mason, Dr. Mustapha bin Osman, K. Mylvaganam, P.F. Pereira, O.M. Lee,¹⁹⁶ E. Buckley,¹⁹⁷ Tuan Syed Shaidali, Che Tajuddin bin Uda Isa dan Che Zainal Abidin bin Ali.¹⁹⁸ Laporan mereka diterbitkan pada September 1951. Pada amnya, Jawatankuasa ini menyokong Laporan Barnes dan kurang bersetuju dengan Laporan Fenn-Wu. Jawatankuasa menetapkan sistem sekolah kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan di mana semua kaum dapat belajar bersama. Jawatankuasa juga bersetuju bahawa bahasa Tamil dan bahasa Cina diajar sebagai bahasa ketiga tetapi sekolah vernakular India dan sekolah vernakular Cina tidak diterima sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan kebangsaan.¹⁹⁹

Dengan itu, soal pendidikan masih menimbulkan perselisihan dan juga kritikan di kalangan penduduk Tanah Melayu. Berikutnya, seluruh perkara tersebut dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 20 September 1951 yang diketuai oleh E.E.C. Thuraisingham. Jawatankuasa ini mengandungi 11 ahli Majlis Perundangan Persekutuan, dua daripadanya adalah orang Cina. Mereka ialah E.E.C. Thuraisingham, Dato' Nik Ahmed Kamil bin Haji Nik Mahmood,²⁰⁰ Raja Uda bin Raja Muhammad,²⁰¹ Tunku Abdul Rahman ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain, Kolonel H.S. Lee, Leung Cheung Ling, V.M.N. Menon,²⁰² G. Shelley, Dato' Haji Syed Abdul Kadir bin Mohamed²⁰³ dan Muhammad Yusof bin Ahmad.²⁰⁴ Jawatankuasa Khas ditugaskan untuk mengkaji Laporan Barnes (*Council Paper No. 23 of 1951*), Laporan Fenn-Wu (*Council Paper No. 35 of 1951*) dan Laporan Jawatankuasa Penasihat Pusat (*Council Paper No. 44 of 1951*) serta mencadangkan langkah yang sesuai untuk menyelesaikan

masalah pendidikan di Tanah Melayu.²⁰⁵ Perlantikan Jawatankuasa Khas disambut baik oleh Pesuruhjaya Tinggi Henry Gurney dengan harapan dapat mencapai satu sistem persekolahan yang memuaskan semua pihak di Tanah Melayu.²⁰⁶

Laporan Jawatankuasa Khas yang membincangkan segala aspek pendidikan Tanah Melayu, memihak kepada Laporan Barnes. Laporan ini menekankan keperluan menubuhkan sekolah kebangsaan dan menyediakan enam tahun pendidikan rendah percuma kepada kanak-kanak di Tanah Melayu.²⁰⁷ Jawatankuasa menyokong penubuhan sekolah kebangsaan untuk menggantikan sekolah vernakular. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Khas menafikan kerajaan menolak kepentingan dua peradaban dunia yang terbesar, iaitu China dan India.²⁰⁸ Dengan itu, nyata bahawa Jawatankuasa Khas mengeluarkan kenyataan yang berbeza dengan Laporan Fenn-Wu. Jawatankuasa percaya bahawa sistem sekolah kebangsaan akhirnya akan mengambil alih semua sekolah vernakular di Tanah Melayu. Selain itu, Jawatankuasa menyokong penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar, tetapi bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran boleh diajar di sekolah.²⁰⁹ Dengan itu, Laporan Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh E.E.C. Thuraisingham itu menimbulkan penentangan orang Cina. Sesetengah daripada mereka menganggap kerajaan menurunkan status pendidikan Cina. E.E.C. Thuraisingham dan pemimpin Cina yang pro Laporan itu dikecam. Hal ini turut mendapat kritikan dari akhbar *The Straits Times* bertarikh 18 Disember 1954:

In future, Chinese and Tamil will be taught as optional subjects in English schools where no provision was made before. Is this to be construed as a threat to vernacular education? Or is it rather evidence of Government recognition, however belated, that the two great Eastern cultures have a valuable contribution to make towards Malaya's development?²¹⁰

Salah seorang ahli Majlis Perundangan Persekutuan, Wong Pak Choy yang membantah laporan tersebut berpendapat bahawa ia hanya akan menyukarkan kewujudan sekolah Cina dan India serta mengurangkan bilangan sekolah berkenaan dan seterusnya membawa

kepada kepupusannya.²¹¹ Bagi mengurangkan ketegangan antara orang Cina dan Melayu dalam soal pendidikan, Tan Cheng Lock selaku Presiden MCA dan pemimpin CLC menyeru masyarakat Cina supaya bersabar dan menunjukkan sikap bertolak ansur dalam menerima Laporan Jawatankuasa Khas.²¹²

Kemudiannya, pihak British menyatukan kedua-dua Laporan Barnes dan Fenn-Wu ke dalam satu bentuk yang dipanggil *Report of Barnes Report on Malay Education and Fenn-Wu Report on Chinese Education*. Laporan ini diluluskan dengan sebulat suara oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 21 November 1952.²¹³ Laporan ini dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran atau dikenali sebagai Penyata Pendidikan 1952. Apa yang termaktub dalam Ordinan ini ialah Tanah Melayu hanya mempunyai dua jenis sekolah kebangsaan, satu dalam bahasa Inggeris dan satu lagi dalam bahasa Melayu. Bahasa Cina dan Tamil boleh diajar di sekolah sebagai bahasa ketiga, jika ia diminta oleh ibu bapa dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya 15 pelajar dalam kumpulan yang sama.²¹⁴ Di dalam perbahasan untuk meluluskan Ordinan Pelajaran 1952, E.E.C. Thuraisingam menyatakan penyata pelajaran itu adalah bertujuan untuk mengukuhkan asas perpaduan negara. Penyata itu menggambarkan sistem pendidikan vernakular moden dan membentuk kurikulum pelajaran mengikut keperluan dan keadaan semasa.²¹⁵

Namun demikian, Ordinan Pelajaran 1952 ditafsirkan oleh orang Cina sebagai langkah yang akan membinasakan pelajaran Cina. Dalam ucapan Tan Cheng Lock di Singapura pada 27 Disember 1953 semasa perjumpaan tahunan MCA:

The Education Ordinance of 1952, which in effect seeks to displace and close down Chinese vernacular schools in the Federation by the establishment of the so-called national schools in which the Chinese will not be taught their mother tongue either in adequate measure or compulsorily.²¹⁶

Dalam memorandum yang disediakan bersama oleh Tan Cheng Lock, Presiden MCA dengan Jawatankuasa Pusat Pendidikan MCA bertarikh 15 Januari 1954 pula mencatatkan:

... the belief that the establishment of English-medium and Malay-medium National Schools is the forerunner of the closure of Chinese vernacular schools and the end of Chinese education in the Federation.²¹⁷

Selain itu, orang Cina berpendapat bahawa budaya Cina dan India tidak boleh diketepikan dalam membentuk budaya bangsa Tanah Melayu. Dalam hal ini, pendidikan berperanan penting dalam mengasimilasi budaya itu melalui bahasa masing-masing. Perkara ini dinyatakan dalam Memorandum Mengenai Pendidikan Cina di Tanah Melayu sebagai:

Not by the Chinese alone is it realized that Chinese education, and through it, Chinese culture have made, and can continue to make, great contributions to the ultimate culture of the future Malayan nation. Thinking Malaysians realise that the future Malayan nation, to mould its own culture, must draw on the cultures of such great civilisations as the Chinese and Indian, not forgetting the cultures of the West. In this task of moulding culture, education will play an indispensable role. Western, Chinese and Indian cultures can only be reached and assimilated through the western and Chinese and Tamil languages. To deprive this country of Chinese and Tamil education is to deny to Malaysians the means through which to evaluate and assimilate the cultures of the great Chinese and Indian civilisation. Yet this is precisely what the Education Ordinance 1952 seeks to do.²¹⁸

Manakala bagi pihak kerajaan, dasar terhadap pendidikan Cina adalah untuk menghapuskan prejudis, mengurangkan pengasingan dan kesalahfahaman antara kaum di Tanah Melayu. Menurut laporan Jabatan Pendidikan pada 13 Januari 1952, dasar kerajaan terhadap pendidikan Cina bertujuan merapatkan hubungan orang Cina dengan penduduk Tanah Melayu yang lain serta membuka peluang penyertaan orang Cina dalam bidang sosial dan ekonomi.²¹⁹ Bahkan Pesuruhjaya Tinggi Donald MacGillivray menyatakan pengajaran bahasa dan sastera Cina tidak pernah disekat di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan juga bahawa kata-kata mengenai pengenalan sekolah kebangsaan akan membawa kepada penghapusan sekolah dan budaya Cina adalah tidak benar. Dalam hal ini, beliau cuba mengurangkan kebimbangan orang Cina dengan menyatakan:

You need have no such fears about the future of Chinese schools. Anyone who has carefully studied the new educational policy, which has been accepted and passed unanimously by the Legislative Council, will know that such talk is untrue.²²⁰

Bagaimanapun, dasar pendidikan baru ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuh disebabkan masalah kewangan dan sebahagian juga kerana perubahan politik yang pantas berikutan gabungan UMNO dan MCA menjelang pilihanraya 1952.²²¹ Penukaran sekolah Inggeris yang wujud kepada sekolah jenis kebangsaan tidak banyak menghadapi masalah dan berjalan dengan baik pada akhir tahun 1953. Sekolah vernakular menghadapi halangan tertentu untuk penukaran. Ini kerana dalam hampir semua kes, perkembangan sekolah kebangsaan daripada sekolah vernakular melibatkan program yang mahal dalam pembinaan kemudahan pendidikan. Begitu juga, kes penukaran sekolah vernakular Melayu yang memerlukan guru terlatih lebih daripada satu bangsa dengan pengetahuan bahasa rasmi.²²² Yang jelas di sini ialah kerajaan Tanah Melayu menerima cadangan Jawatankuasa Barnes dan memilih untuk mengabaikan cadangan Laporan Fenn-Wu. Laporan Barnes itu kemudian menjadi asas kepada Ordinan Pelajaran 1952 di Tanah Melayu.

Menjelang kemerdekaan, apabila Perikatan memenangi pilihanraya Persekutuan pertama pada tahun 1955, timbul keperluan mengkaji dengan lebih lanjut masalah pendidikan di Tanah Melayu. Keadaan ini wujud berikutan timbulnya kesedaran bahawa pendidikan adalah penting dalam penyatuan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum. Ini adalah bagi memastikan agar soal perpaduan kaum tidak menjadi penghalang kepada proses kemerdekaan dan seterusnya menjamin keutuhan sebuah negara Tanah Melayu yang merdeka. Hal itu perlu terutamanya jika melihat kepada keadaan perkauman yang menjadi semakin tegang kerana darurat. Akhirnya, pada tahun 1955, satu jawatankuasa ditubuhkan untuk meneliti dasar pendidikan dan merangka satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat diterima oleh semua penduduk di Tanah Melayu.²²³

Persatuan, parti politik dan orang awam diminta memberi pandangan mereka. Jawatankuasa ini mengadakan perjumpaan pertama pada 30 September 1955. Sehingga 14 April 1956, sebanyak 151 memorandum telah diterima dari badan awam, pertubuhan dan orang perseorangan.²²⁴ Jawatankuasa mencadangkan bahawa usaha mencapai matlamat membina Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, hendaklah dijalankan secara beransur-ansur.²²⁵ Jawatankuasa mendapati bahawa semua sekolah rendah Cina bantuan kerajaan tidak bersetuju dengan penubuhan kelas kebangsaan dan hanya empat sekolah Cina sahaja yang memulakan kelas jenis itu. Di kalangan orang Melayu dan India yang sedar tentang kepentingan skim tersebut telah menunjukkan peningkatan permintaan untuk kelas kebangsaan kecuali di Kedah dan Johor. Manakala keadaan sekolah India di estet India tidak sesuai untuk menukuhkan kelas kebangsaan.²²⁶

Hasil kajian Jawatankuasa dikenali sebagai Penyata Razak yang dikemukakan dan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada bulan Mei 1956.²²⁷ Jawatankuasa tersebut terdiri daripada sembilan orang Melayu dan enam orang bukan Melayu yang merupakan anggota Majlis Perundangan Persekutuan.²²⁸ Ahli Melayu termasuklah Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein sebagai pengurus, Sulaiman bin Datuk Abdul Rahman,²²⁹ Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid,²³⁰ Shamsudin bin Nain,²³¹ Abdul Rahman bin Haji Talib,²³² Zainul Abidin bin Sultan Mydin, Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan,²³³ Mohamed Ghazali bin Jawi dan Mohamed Idris bin Mat Sil. Ahli bukan Melayu pula terdiri daripada V.T. Sambanthan,²³⁴ Too Joon Hing,²³⁵ Lim Chong Eu, Goh Chee Yan,²³⁶ Leung Cheung Ling dan Lee Thean Hin.²³⁷ Penyata Razak disukai oleh orang Melayu tetapi ia menghadkan peluang untuk mereka yang berpendidikan Cina. Di kalangan sesetengah pemimpin, melihatnya sebagai tentangan kepada sistem pendidikan Cina yang akan menyebabkan kemerosotan dalam struktur sosial tradisional masyarakat

Cina. Selaras dengan itu, timbul kebimbangan bahawa pihak komunis akan mengambil kesempatan untuk mempengaruhi penduduk Tanah Melayu. Mereka juga mempunyai alasan tambahan untuk menentang dasar pendidikan negara.

Penyata Razak mencatatkan akan memastikan menjelang tahun 1960 semua kanak-kanak berumur 6 dan 7 tahun dapat bersekolah.²³⁸ Demi mengetahui jumlah bilangan kanak-kanak yang terlibat, Jabatan Pendidikan menjalankan pendaftaran sukarela pada Ogos hingga September 1956 bagi kanak-kanak yang dilahirkan pada tahun 1949 hingga 1952. Pendaftaran ini lebih dikenali sebagai *Operation Torch*. Tujuannya untuk mengetahui minat ibu bapa terhadap jenis pendidikan bagi anak-anak mereka dan menyediakan angka kanak-kanak dalam lingkungan persekolahan agar memudahkan rancangan yang diatur oleh Jabatan Pelajaran.²³⁹

Salah satu isu yang ditimbulkan oleh Penyata Razak ialah soal bahasa pengantar di sekolah. Penyata ini menyokong bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan syarat tidak menyekat bahasa dan budaya bangsa lain di Tanah Melayu.²⁴⁰ Inilah kali pertama di mana dasar pendidikan dirangka dengan mengambil kira bahasa dan budaya semua komuniti. Di bawah Penyata Razak, sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipanggil “sekolah umum”. Sekolah yang mengajarkan bahasa kebangsaan sebagai satu mata pelajaran dan berpengantar bahasa Cina, Tamil atau Inggeris dinamakan “sekolah jenis umum”. Bahasa Melayu dan Inggeris wajib diajar di semua sekolah rendah dan menengah, lain-lain bahasa boleh diajar sekiranya terdapat 15 murid yang hendak mempelajarinya.²⁴¹ Penyata ini mencadangkan sekolah rendah dijalankan dalam empat bahasa, manakala sekolah menengah dalam bahasa kebangsaan diberi keutamaan. Pada masa yang sama, Penyata ini merestui sekolah berbahasa pengantar lain, jika sekolah itu menerima bantuan kerajaan.²⁴² Penyata itu juga menjelaskan walaupun kerajaan bersetuju menjadikan

bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi ianya tidak perlu dilaksanakan secara mendadak. Sungguhpun sekolah rendah dan menengah berpengantar Melayu tetapi bahasa Inggeris mestilah dikekalkan sebagai mata pelajaran wajib.²⁴³

Penyata Razak tidak membincangkan soal bahasa sebagai alat perpaduan. Penyata Razak mendekati soal integrasi dari segi sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah.²⁴⁴ Mengikut Penyata Razak, satu-satunya cara yang boleh menimbulkan pengenalan satu identiti penduduk Tanah Melayu ialah dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama di semua sekolah dan buku teks hendaklah berorientasikan kehidupan di Tanah Melayu. Cara tersebut dianggap sebagai kunci dalam menentukan pelaksanaan dasar pendidikan yang boleh diterima oleh penduduk keseluruhan.²⁴⁵

Perkara ini dinyatakan dalam Penyata Razak seperti berikut:

We cannot over-emphasize our conviction that the introduction of syllabuses common to all schools in the Federation is the crucial requirement of educational policy in Malaya. It is an essential element in the development of a united Malayan nation. It is the key which will unlock the gates hitherto standing locked and barred against the establishment of an educational system "acceptable to the people of Malaya as a whole". Once all schools are working to a common syllabus, irrespective of the language medium of instruction, we consider the country will have taken the most important step towards the establishing of a national system of education which will satisfy the needs of the people and promote their cultural, social, economic and political development as a nation.²⁴⁶

Dengan itu, dapat dikatakan bahawa Penyata Razak merupakan suatu percubaan kerajaan ke arah mewujudkan satu kurikulum umum yang bercorak kebangsaan bagi Tanah Melayu, dan pada masa yang sama memelihara serta mengekalkan kepelbagaiannya budaya negara ini. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah dan kandungan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan hal-hal di Tanah Melayu diharapkan dapat memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan penduduk Tanah Melayu. Ini menunjukkan bahawa salah satu sebab penggubalan dasar pelajaran ialah kerana soal ketegangan hubungan kaum akibat daripada darurat. Menjelang lewat 1950-

an, ekoran daripada Penyata Razak, setiap kanak-kanak yang dilahirkan di Tanah Melayu berpeluang bersekolah. Dengan itu, terdapat peningkatan dalam pendaftaran di sekolah rendah dari 382,847 pada tahun 1947 kepada 933,151 pada tahun 1957 atau dengan kadar purata peningkatan 9.3% setahun.²⁴⁷

Pada Mac 1957, Penyata Razak dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran atau Dasar Pelajaran 1957. Ordinan ini mula dilaksanakan pada 1 Julai 1957. Ordinan Pelajaran ini bertujuan mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang diterima oleh semua penduduk di Tanah Melayu. Ordinan ini juga bermatlamat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara, di samping memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya kaum bukan Melayu di negara ini.²⁴⁸ Ordinan ini diluluskan sebulat suara oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 7 Mac 1957. Majlis ini terdiri daripada 98 ahli, 52 daripadanya diundi melalui pilihanraya umum 1955 (51 Perikatan, 1 PAS). 46 ahli yang lain terdiri daripada ketua menteri, menteri besar dan ahli yang dilantik mewakili berbagai kaum minoriti dan berbagai lapangan.²⁴⁹ Jadi, Ordinan itu bukanlah dimeterai dengan sewenang-wenangnya tetapi dipersetujui oleh berbagai kaum. Tindakan ini diambil kerana apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, langkah pertama yang diambil oleh kerajaan baru yang dipilih ialah menyatukan tiga kaum utama di Tanah Melayu melalui penyatuan dalam sistem pendidikan.²⁵⁰

Penerimaan Ordinan Pelajaran 1957 merupakan satu tolak ansur di kalangan pemimpin Tanah Melayu. Demi untuk meredakan kritikan daripada orang Cina, MCA menubuhkan satu Jawatankuasa Pelajaran Pusat bagi mengkaji kesan dan akibat Ordinan itu. Kemudiannya, MCA mendapat persetujuan daripada kerajaan yang mana Dasar Pelajaran 1957 akan disemak semula selepas pilihanraya 1959. Ordinan Pelajaran itu juga menetapkan supaya semua kandungan sukatan pelajaran yang berkaitan di sekolah hendaklah ditumpukan kepada hal-hewal Tanah Melayu. Ia juga menetapkan supaya

sekolah Cina tidak menggunakan sukatan pelajaran yang terlampaui menumpukan perhatian kepada perkara yang berkaitan dengan Negara China. Sekolah Tamil juga ditegah menggunakan sukatan pelajaran dari India. Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Inilah kali pertama dalam sejarah Tanah Melayu, perancangan pendidikan dirangka untuk meliputi semua kaum serta semua aspek struktur dan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu.

Selepas pilihanraya tahun 1959, Dasar Pelajaran 1957 dikaji semula. Sebuah Jawatankuasa Penyemak Pelajaran dilantik pada 18 Februari 1960. Ia dipengerusikan oleh Abdul Rahman Haji Talib, yang ketika itu menjadi Menteri Pelajaran Tanah Melayu. Jawatankuasa ini mengandungi tiga ahli MCA, seorang ahli MIC dan empat ahli UMNO.²⁵¹ Mereka ialah Leong Yew Koh, Koh Kim Leong, Dato' Wong Pow Nee,²⁵² V. Manickavasagam,²⁵³ Mohd. Khir Johari,²⁵⁴ Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan, Mohd. Dahari Ali²⁵⁵ dan Abdul Ghani bin Ishak. Laporan Jawatankuasa itu dikenali sebagai Laporan Rahman Talib.²⁵⁶ Jawatankuasa itu ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah tidak jelas yang timbul dalam Dasar Pelajaran 1957. Pertama, mengenai masalah bahasa pengantar. Laporan Rahman Talib mencadangkan sekolah rendah bantuan kerajaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.²⁵⁷ Di samping sekolah rendah Inggeris yang menerima bantuan kerajaan, sekolah yang dahulunya sekolah rendah kerajaan akan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Ini bermakna sekolah Cina dan India yang menerima bantuan kerajaan perlu menukar bahasa pengantarnya. Namun demikian, bahasa serta sastera Cina dan India boleh diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah. Ini kerana Jawatankuasa berpendapat bahawa penggunaan bahasa kebangsaan dapat melahirkan budaya dan identiti kebangsaan. Sementara itu, pembelajaran bahasa Inggeris adalah untuk tujuan ekonomi dan profesional.²⁵⁸

Kedua, Laporan Rahman Talib menyentuh soal bahasa yang digunakan dalam peperiksaan. Bahasa Melayu dan Inggeris ditetapkan sebagai bahasa yang digunakan dalam peperiksaan.²⁵⁹ Sebarang peperiksaan yang dijalankan dalam bahasa lain daripada dua bahasa itu tidak akan diakui oleh kerajaan. Sebagaimana laporan pendidikan lain, Laporan Rahman Talib tidak dapat diterima oleh sebahagian daripada orang Cina dan India. Mereka bimbang dengan kemungkinan terhapusnya bahasa dan budaya mereka pada suatu masa kelak jika kandungan Laporan itu dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak pemerintah. Manakala di pihak kerajaan, diharapkan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan masyarakat Tanah Melayu. Sekiranya anggota masyarakat saling mengerti dan bekerjasama, komunis akan menghadapi kesukaran untuk mempengaruhi mereka.

Laporan Rahman Talib dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada Oktober 1961. Laporan ini dikuatkuasakan sebagai Akta Pelajaran 1961.²⁶⁰ Sejak itu, perkembangan pendidikan kebangsaan selanjutnya adalah berdasarkan dasar pendidikan kebangsaan yang tercatat dalam Akta Pelajaran 1961. Cadangan yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib, jika dikaji dengan teliti, menunjukkan betapa keazaman kerajaan untuk membentuk suatu Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan tujuan menyediakan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna kepada setiap penduduk. Dengan itu, dapat melahirkan masyarakat Tanah Melayu yang bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain.

¹ Dalam hal ini, keadaan di Sarawak nampaknya berbeza. Di Sarawak, sebuah sekolah yang mengendalikan tiga jenis aliran bahasa dan kelas diperkenalkan pada tahun 1903 oleh Raja Charles Brooke. Sekolah itu dinamakan *Government Lay School* yang menggunakan bahasa Melayu, Cina dan India dalam pelajaran. Namun demikian, sekolah itu ditutup pada tahun 1930 kerana tidak mendapat sambutan daripada penduduk. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 50-52; Sabihah bt. Osman, "The Development of Malay Vernacular Education In Sarawak 1841-1941", *Jebat*, Bil. 14, No. 14, 1986, hlm. 28-31. Penubuhan *Government Lay School* juga dinyatakan dalam Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 62.

² Sekolah India dirujuk sebagai sekolah yang dikendalikan mengikut bahasa ibunda/bangsa seperti sekolah Tamil, sekolah Telugu, sekolah Malayalam, sekolah Punjabi, sekolah Hindi, sekolah Gurkha, sekolah Sinhalese dan sekolah Gujerati.

³ Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education In Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1971, hlm. 13-15. Maklumat lanjut tentang perkembangan sekolah Inggeris, lihat Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, Penang: Malayan Teachers' Union, 1952, hlm. 63-66; Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 22. Lihat juga Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy In Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 15-19; Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1988, hlm. 22-23; Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia Zaman Sebelum Merdeka hingga ke Zaman Sesudah Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1980, hlm. 21, 29-36; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, hlm. 10-12. Rujuk juga H.R. Cheeseman, *Education In Malaya*, Kuala Lumpur: The Colonial Office, 1948, hlm. 1-3; H.R. Cheeseman, "Education In Malaya 1900-1941", *Malaysia in History*, Vol. 22, May 1979, hlm. 132-133; Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, hlm. 223; Hyacinth Gaudart, *Bilingual Education In Malaysia*, Townsville: Centre For South-East Asian Studies, James Cook University, 1992, hlm. 76-77; Wan Hashim, *Race Relations In Malaysia*, hlm. 17; Norton Ginsburg and Chester F. Roberts, Jr., *Malaya*, hlm. 156-157.

⁴ *Report of The Committee on Malay Education Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 1. Lihat juga James P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 105; Norton Ginsburg and Chester F. Roberts, Jr., *Malaya*, hlm. 156; Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 334; F.J. Moorhead, M.A., *A History of Malaya*, hlm. 197-198. Begitu juga, keadaan masyarakat Melayu di Sarawak di mana pendidikan asas mereka adalah berbentuk keagamaan. Lihat Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 43; Sabihah bt. Osman, "Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas: Satu Tinjauan Sejarah", *Malaysia in History*, Vol. XV, No. 2, December 1972, hlm. 8-9; Sabihah bt. Osman, "The Development of Malay Vernacular Education In Sarawak 1841-1941", hlm. 23.

⁵ First Report of The Central Advisory Committee on Education, May 1950, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/FS/784/50, Central Advisory Committee on Education.

⁶ Hyacinth Gaudart, *Bilingual Education In Malaysia*, hlm. 73. Untuk sejarah pendidikan Melayu, lihat Report of The Committee Appointed By His Excellency The High Commissioner For The Federation of Malaya To Consider The Problem of Malay Education, dalam C.O. 717/190/52336/2, Education, Barnes Report, hlm. 55-64. Lihat juga Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education In Malaysia*, hlm. 9-11; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy In Malaya 1874-1940*, hlm. 13-15; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, hlm. 7-8.

⁷ Lihat H.R. Cheeseman, "Education In Malaya 1900-1941", hlm. 129; Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, hlm. 86-87; Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 334. Rujuk juga Wan Hashim, *Race Relations In Malaysia*, hlm. 18; Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 18. Untuk tujuan pendidikan Melayu, lihat juga Ibrahim Saad, 'The Impact of National Medium Schools of Attitudes Related To National Integration In Peninsular Malaysia', Ph.D. Dissertation, University of Wisconsin-Madison, 1979, hlm. 124; David James Radcliffe, 'Education and Cultural Change Among The Malays 1900-1940', Ph.D. Thesis, University of Wisconsin, 1970, hlm. 48; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publications, 1973, hlm. 9 dan 15; Rosnani Hashim, *Educational Dualism In Malaysia, Implications For Theory and Practice*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 6; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Sdn. Bhd., 2001, hlm. 279. Keadaan yang sama berlaku dalam pendidikan Melayu di Sabah dan Sarawak. Dasar

British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu menjadi ilham kepada Kompeni Berpiagam Borneo Utara British di Sabah dan pentadbiran Brooke di Sarawak. Sekolah Melayu tidak bertujuan untuk memajukan masyarakat Melayu di Sabah dan Sarawak. Ia hanya bertujuan menjadikan mereka rakyat dan petani yang baik. Hal ini ada dinyatakan dalam Sabihah binti Osman, "Pelajaran Bagi Anak-Anak Perempuan Bumiputra Di Sekolah-Sekolah Melayu Kerajaan Di Sabah dan Sarawak Pada Zaman Kompeni Berpiagam (1881-1941) dan Rejim Brooke (1841-1941)-Satu Tinjauan", *Malaysia in History*, Vol. XVIII, No. 2. December 1975, hlm. 1.

⁸ First Report of The Central Advisory Committee on Education, May 1950, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/FS/784/50, Central Advisory Committee on Education. Rujuk juga Central Advisory Committee on Education, dalam C.O. 717/190/52336/1950, Education, hlm. 120; Keith Watson, "The Problem of Chinese Education in Malaysia and Singapore", *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 8, No. 1-2, Jan -Apr. 1973, hlm. 79-80; H.R. Cheeseman, "Education of Malaya 1900-1941", hlm. 128; Norton Ginsburg and Chester F. Roberts, Jr., *Malaya*, hlm. 157.

⁹ Chinese Schools In Malaya, dalam Memorandum From The Member For Education, dalam C.O. 1030/49/FED23/246/01 Part A, Federation of Malaya Education Development, hlm. 45-46; Federation of Malaya: The Chinese Schools, dalam C.O. 1030/266/FED121/112/01, Chinese Schools In Malaya (Reports and General Information on Malayan Government Policy To The Schools), hlm. 66A; Report on Chinese Schools, dalam C.O. 1030/266/FED121/112/01, Chinese Schools In Malaya (Reports and General Information on Malayan Government Policy To The Schools), hlm. 127; Draft Outline of Note on The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/51/2/55063/7/Part 1, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 197-198; The Economy of The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/53/4/55063/8, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 52-53; Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, hlm. 40-41; Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, hlm. 11-12; Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, hlm. 59 dan 89; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society*, hlm. 18; David James Radcliffe, 'Education and Cultural Change Among The Malays, 1900-1940', hlm. 82; Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economic Appraisal*, hlm. 10-11; W.C.S. Corry, "The Malayan Scene", hlm. 23. Maklumat lanjut tentang perkembangan pendidikan Cina, lihat Education In The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission To Malaya, July 1954, hlm. 2, dalam C.O. 1030/52/FED23/246/01, Appendix A, Education Development, Federation of Malaya; D.C. MacGillivray, High Commissioner Federation of Malaya, 2nd March 1955, hlm. 1, dalam C.O. 1030/174/FED67/112/01, Federation of Malaya, High Commissioner's Reports For U.K. Ministers, etc.; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy In Malaya 1874-1940*, hlm. 34-43. Lihat juga Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism In Malaya*, hlm. 9; Anthony Short, *The Communist Insurrection In Malaya 1948-1960*, hlm. 398-399; Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, hlm. 222-234; Hyacinth Gaudart, *Bilingual Education In Malaysia*, hlm. 70-71; Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia Zaman Sebelum Merdeka hingga ke Zaman Sesudah Merdeka*, hlm. 18-26; Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building In Plural Societies: The West Malaysian Experience*, hlm. 29; Victor Purcell, *The Memoirs of A Malayan Official*, hlm. 154. Rujuk juga Bee-Lan Chan Wang, "Educational Reforms For National Integration: The West Malaysian Experience", *Comparative Education Review*, Vol. 22, No. 3, 1973, hlm. 467-468; Keith Watson, "The Problem of Chinese Education in Malaysia and Singapore", hlm. 79; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 288-290; Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 16. Penggunaan buku teks dan guru dari Negara China ada juga dinyatakan dalam "History of Chinese Education In Johore", hlm. 7, dalam Fail Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 69/1951, History of Chinese Vernacular Education In Malaya.

¹⁰ *Nanyang Siang Pan*, 20 September 1951, hlm. 6; Federation of Malaya: The Chinese Schools, High Commissioner of Federation of Malaya To Secretary of State For The Colonies, 23rd March 1955, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01 Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 198; Chinese Schools In Malaya, dalam Memorandum From The Member For Education, dalam C.O. 1030/49/FED23/246/01 Part A, Federation of Malaya Education Development, hlm. 46; Federation of Malaya: The Chinese Schools, dalam C.O. 1030/266/FED121/112/01, Chinese Schools In Malaya (Reports and General Information on Malayan Government Policy To The Schools), hlm. 66A dan 66B; D.C. MacGillivray, High Commissioner Federation of Malaya, 2nd March 1955, hlm. 2, dalam C.O. 1030/174/FED67/112/01, Federation of Malaya, High Commissioner's Reports For U.K. Ministers, etc. Lihat juga Keith Watson, "The Problem of Chinese Education in Malaysia and Singapore", hlm. 80-81; Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 19-20; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, hlm. 9; Laurence K.L. Siaw, *Chinese Society In Rural Malaysia, A Local History of The Chinese In Titi, Jelebu*,

hlm. 42. Rujuk juga Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 335; Bee-Lan Chan Wang, "Educational Reforms For National Integration: The West Malaysian Experience", hlm. 468; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society*, hlm. 18; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 290; David James Radcliffe, 'Education and Cultural Change Among The Malays 1900-1940', hlm. 82; Norton Ginsburg and Chester F. Roberts, Jr., *Malaya*, hlm. 157; Leon Comber, "Chinese Education-Perennial Malayan Problem", *Asian Survey*, Vol. 1, No. 8, October 1961, hlm. 32; F.J. Moorhead, M.A., *A History of Malaya*, hlm. 198; C. Mary Turnbull, *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, hlm. 199; Robert Thompson, *Revolutionary War In World Strategy 1945-1969*, hlm. 87; Wong Yoke Nyen, 'The Role of Chinese Organizations In Malayan Politics (1945-57): Special Reference To Citizenship and Education', hlm. 161.

¹¹ Memorandum For Submission To The Conference of Rulers, Chinese Education In The Federation, dalam C.O. 717/190/52336/1, Education, Chinese Schools, hlm. 6. Pemberian bantuan kewangan kepada sekolah Cina, lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 20; Federation of Malaya: The Chinese Schools, High Commissioner of The Federation of Malaya To Secretary of State For The Colonies, 23rd March 1955, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01 Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 198; Chinese Schools In Malaya, dalam Memorandum From The Member For Education, dalam C.O. 1030/49/FED23/246/01 Part A, Federation of Malaya Education Development, hlm. 46. Rujuk juga C. Mary Turnbull, *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, hlm. 199; Wong Yoke Nyen, 'The Role of Chinese Organizations In Malayan Politics (1945-57) Special Reference To Citizenship and Education', hlm. 162.

¹² No. 70 of 1952, Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Report of The Special Committee Appointed on The 20th Day of September 1951 To Recommed Legislation To Cover All Aspects of Educational Policy For The Federation of Malaya, hlm. 10, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2842/52, Report of Special Committee on Education. Lihat juga First Report of The Central Advisory Committee, May 1950, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/FS/784/50, Central Advisory Committee on Education; Central Advisory Committee on Education, dalam C.O. 717/190/52336/1950, Education, hlm. 120; Education In The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission To Malaya, July 1954, hlm. 3, dalam C.O. 1030/52/FED23/246/01, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya. Rujuk juga Kernal Singh Sandhu, *Indians In Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement (1786-1957)*, London: Cambridge University Press, 1969, hlm. 259-260; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, hlm. 10; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 293; Bee-Lan Chan Wang, "Educational Reforms For National Integration: The West Malaysian Experience", hlm. 467; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society*, hlm. 20; Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 335.

¹³ Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, hlm. 60-63; Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, hlm. 37. Lihat juga Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education In Malaysia*, hlm. 12; Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy In Malaya 1874-1940*, hlm. 46. Rujuk juga H.R. Cheeseman, *Education In Malaya*, hlm. 13; Draft Outline of Note on The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/51/2/55063/7/Part 1, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 198; The Economy of The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/53/4/55063/8, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 53; Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, hlm. 224; Hyacinth Gaudart, *Bilingual Education In Malaysia*, hlm. 74-75; Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia Zaman Sebelum Merdeka hingga ke Zaman Sesudah Merdeka*, hlm. 26; Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building In Plural Societies: The West Malaysian Experience*, hlm. 29.

¹⁴ Keadaan di Brunei adalah berbeza pada zaman pendudukan Jepun. Jepun membuka semula semua sekolah di negeri ini yang wujud sebelumnya. Dengan itu, membolehkan Jepun menyerapkan nilai kejepunian ke dalam masyarakat tempatan melalui pendidikan. Untuk dasar penjepunan terhadap masyarakat tempatan di Brunei melalui pendidikan, lihat Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, hlm. 100-103.

¹⁵ Beliau dilahirkan pada 7 Disember 1889. Beliau adalah Pengarah Pelajaran semasa rancangan *Malayan Union* diadakan dari tahun 1946 hingga 1948. *Malayan Establishment Staff List 31st December 1947*, hlm. 35.

¹⁶ Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building In Plural Societies: The West Malaysian Experience*, hlm. 18. Lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 47; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society*, hlm. 40.

¹⁷ H.R. Cheeseman, "Malaya", dalam *Year Book of Education, 1949*, London: Evan Brother, 1950, hlm. 546. Lihat juga Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, hlm. 41; Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, hlm. 40.

¹⁸ Education In The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report Of The Mission To Malaya, July 1954, hlm. 4, dalam C.O. 1030/52/FED23/246/01, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya; SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education In The Federation of Malaya, hlm. 8, Abstract of A Statement By Mr. R. Holgate, Director of Education, Federation of Malaya on Education In Malaya, dalam C.O. 717/190/52336/2, Education, Barnes Report, Draft Outline of Note on The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/51/2/55063/7/Part 1, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 198, The Economy of The Federation of Malaya and Singapore, dalam C.O. 825/53/4/55063/8, Far Eastern Official Committee Working Party In S.E.A., hlm. 53; *Straits Echo & Times of Malaya*, 15 June 1950, hlm. 4. Lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 47, Paul Chang Ming Phang, *Educational Development In A Plural Society*, hlm. 40; Wong Yoke Nyen, 'The Role of Chinese Organizations In Malayan Politics (1945-57): Special Reference To Citizenship and Education', hlm. 177.

¹⁹ Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building In Plural Societies: The West Malaysian Experience*, hlm. 18; Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya 1945-1961*, hlm. 48.

²⁰ A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43; *Background Information and Material For Speakers The Emergency and Anti-Bandi Month*, hlm. 18; *Sing Pin Jih Pao*, 4 September 1948, hlm. 4. Lihat juga *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 9 February 1950, hlm. 6.

²¹ A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43; *Federation of Malaya Annual Report 1954*, hlm. 207-208. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1955*, hlm. 220; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 18 July 1955, hlm. 5.

²² A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43, *Federation of Malaya Annual Report 1955*, hlm. 220.

²³ A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43, *Federation of Malaya Annual Report 1956*, hlm. 235-236.

²⁴ A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 43; *Kin Kwok Daily News*, 30 October 1958, hlm. 4.

²⁵ *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 July 1959, hlm. 6.

²⁶ *Report of The Committee on Malay Education Federation of Malaya*, hlm. 1.

²⁷ Antaranya, 397,861 pelajar di sekolah Melayu kerajaan dan bantuan kerajaan, 551 orang di sekolah Melayu tanpa bantuan kerajaan. A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44.

²⁸ *Federation of Malaya Annual Report 1952*, hlm. 159.

²⁹ *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 174.

³⁰ *Federation of Malaya Annual Report 1956*, hlm. 237-238.

³¹ *Kin Kwok Daily News*, 26 September 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 26 September 1951, hlm. 6.

³² *Majlis*, 5 November 1948, hlm. 2; *The Straits Times*, 4 November 1948, hlm. 5.

³³ *The Malaya Tribune (Singapore)*, 8 December 1948, hlm. 8.

³⁴ History of Chinese Education In Johore, hlm. 11, dalam Fail Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 69/1951, History of Chinese Vernacular Education In Malaya.

³⁵ *The Straits Times*, 8 December 1948, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 9 December 1948, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 10 December 1948, hlm. 4.

³⁶ *Nanyang Siang Pan*, 11 September 1948, hlm. 7. Lihat juga *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 10 September 1948, hlm. 4.

³⁷ F.T. Laidlaw dilahirkan pada 5 Ogos 1907. Pada 30 November 1947, beliau menjadi Penolong Pengarah Pendidikan (Cina) *Malayan Union*, kemudian Penolong Pengarah Pendidikan (Cina) Persekutuan Tanah Melayu pada 24 Disember 1948. Beliau seterusnya dilantik sebagai Penguasa Pendidikan bagi Kedah dan Perlis bermula 1 Oktober 1951, Pengetua Sekolah Tinggi Melaka pada 4 Mei 1952 dan

Pemangku Penguasa Pendidikan Johor pada 22 Januari 1953. Manakala pada 28 Mac 1957, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Pendidikan di Johor, Ketua Pegawai Pendidikan di Perak pada 23 Mei 1958 dan Ketua Pegawai Pendidikan Pulau Pinang pada 26 November 1959. *Malayan Establishment Staff List 31st December 1947*, hlm. 37; *Malayan Establishment Staff List 31st December 1948*, hlm. 50; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1951*, hlm. 53; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1952*, hlm. 62; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1953*, hlm. 74; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1954*, hlm. 62; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1955*, hlm. 49; *Federation of Malaya Staff List 1st January 1957*, hlm. 53; *Federation of Malaya Staff List 1st January 1958*, hlm. 49; *Federation of Malaya Staff List 1st January 1959*, Kuala Lumpur: Government Press, 1959, hlm. 51; *Federation of Malaya Staff List 1st January 1960*, hlm. 50.

³⁸ *The Straits Times*, 15 December 1950, hlm. 5.

³⁹ *The Malay Mail*, 31 July 1948, hlm. 5.

⁴⁰ *The China Press*, 10 August 1948, hlm. 6; *Sing Pin Jih Pao*, 10 August 1948, hlm. 3; *The Malay Mail*, 9 August 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 9 August 1948, hlm. 1.

⁴¹ *Sing Pin Jih Pao*, 27 September 1948, hlm. 3; *The Malay Mail*, 27 September 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 27 September 1948, hlm. 1.

⁴² Cipher Telegram, 20 November 1948, dalam C.O. 717/169/52849/8/1, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps, hlm. 36. Lihat juga *Majlis*, 15 November 1948, hlm. 7.

⁴³ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 94 For Week Ending 27 April 1950, dalam C.O. 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 277. Lihat juga Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 10, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 10, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Rujuk juga *The Malay Mail*, 25 April 1950, hlm. 5.

⁴⁴ *The Malay Mail*, 3 November 1950, hlm. 5.

⁴⁵ *Majlis*, 12 April 1951, hlm. 3. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 12 April 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 April 1951, hlm. 5.

⁴⁶ *The Straits Times*, 5 July 1951, hlm. 1; *Nanyang Siang Pau*, 7 November 1951, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 11 July 1950, hlm. 3.

⁴⁷ *The Straits Times*, 6 February 1953, hlm. 1; *Kin Kwok Daily News*, 6 February 1953, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 6 February 1953, hlm. 6; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 6 February 1953, hlm. 5; *The Malay Mail*, 6 February 1953, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 6 February 1953, hlm. 1.

⁴⁸ *Federation of Malaya Annual Report 1948*, hlm. 74. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 5 September 1949, hlm. 3; *Kwong Wh Yit Poh & Penang Sin Poe*, 5 September 1949, hlm. 3.

⁴⁹ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 139. Lihat juga *The China Press*, 3 August 1952, hlm. 4; Memorandum For Submission To The Conference of Rulers, Chinese Education In The Federation, dalam C.O. 717/190/52336/1, Education, Chinese Schools, hlm. 6. Rujuk juga Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21st November 1951, at 10 a.m., dalam *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 To February 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 351-352.

⁵⁰ Angka pelajar pada tahun 1954 itu merupakan 31% daripada jumlah pelajar yang berdaftar di Tanah Melayu. Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 193; *Federation of Malaya Annual Report 1954*, hlm. 208.

⁵¹ Antaranya, 274,524 di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, 45,644 di sekolah Cina tanpa bantuan kerajaan. A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44.

⁵² Antaranya, dua adalah sekolah kerajaan, 958 sekolah dikawal oleh jawatankuasa sekolah, 42 sekolah mubaligh, 52 sekolah persendirian dan 117 sekolah malam. *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 139. Lihat juga *The China Press*, 3 August 1952, hlm. 4; Memorandum For Submission To The Conference of Rulers, Chinese Education In The Federation, dalam C.O. 717/190/52336/1, Education, Chinese Schools, hlm. 6.

⁵³ Angka ini adalah bilangan sekolah Cina pada Disember 1954. Pada September 1954, bilangan sekolah Cina di Tanah Melayu ialah 1,160. Antaranya, 240 di Johor, 93 di Kedah, 21 di Kelantan, 78 di

Melaka, 103 di Negeri Sembilan, 86 di Pahang, 111 di Pulau Pinang, 229 di Perak, 9 di Perlis, 171 di Selangor dan 19 di Terengganu. *Kin Kwok Daily News*, 20 January 1955, hlm. 3.

⁵⁴ Antaranya, tiga buah sekolah kerajaan, 930 sekolah bantuan kerajaan, dan 343 sekolah tanpa bantuan kerajaan. *Federation of Malaya Annual Report 1955*, hlm. 223.

⁵⁵ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 141. Lihat juga Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21st November 1951, at 10 a.m., dalam *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 To February 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 352.

⁵⁶ *Federation of Malaya Annual Report 1952*, hlm. 162.

⁵⁷ Daripadanya, 4,813 di sekolah kerajaan, 25,226 di sekolah bantuan yang di bawah penyeliaan pengurus estet, 11,518 di sekolah bantuan yang dikendalikan oleh ahli jawatankuasa atau badan mubaligh dan 486 di sekolah persendirian. *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 181.

⁵⁸ Antaranya, 47,717 di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, 805 di sekolah tanpa bantuan kerajaan. A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44.

⁵⁹ Daripadanya, 26 buah adalah sekolah kerajaan, 723 sekolah estet, 22 sekolah mubaligh dan 118 sekolah persendirian. Semua pengurusan sekolah, kecuali 14 sekolah estet dan 22 sekolah persendirian, layak menerima bantuan kerajaan. *Federation of Malaya Annual Report 1949*, hlm. 88-89.

⁶⁰ Sekolah ini boleh dibahagikan kepada empat jenis. Sekolah yang diselenggarakan dan dikendalikan oleh kerajaan (khasnya untuk anak kakitangan kerajaan), sekolah estet yang tertakluk kepada Kod Buruh dalam penyelenggaraan sekolah, sekolah persendirian yang dikendalikan oleh jawatankuasa daripada penduduk tempatan dan sekolah mubaligh yang dikendalikan oleh badan mubaligh. *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 197 dan 109.

⁶¹ Pada tahun 1955, terdapat 35 sekolah India kerajaan, 840 sekolah India bantuan kerajaan dan 23 sekolah India tanpa bantuan di Tanah Melayu. *Federation of Malaya Annual Report 1955*, hlm. 225.

⁶² Antaranya, 101,230 pelajar di sekolah Inggeris kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan, dan 40,462 pelajar di sekolah Inggeris persendirian. Bilangan pelajar Melayu yang hadir di sekolah Inggeris semakin meningkat. Pada tahun 1953, terdapat 26,215 orang Melayu berdaftar di sekolah Inggeris, iaitu merangkumi 25.5% daripada jumlah pendaftaran berbanding dengan 22.9% pada tahun 1951. *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 182. Bilangan pelajar Melayu di sekolah Inggeris pada tahun 1953 juga dinyatakan dalam T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 234.

⁶³ Antaranya, 142,851 di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, 67,712 di sekolah tanpa bantuan kerajaan. A Brief Report on The Development of Education In The Federation of Malaya For The Year 1956, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part 1, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 44.

⁶⁴ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 142-143.

⁶⁵ *Federation of Malaya Annual Report 1952*, hlm. 162-163.

⁶⁶ *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 174.

⁶⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 25 August 1952, hlm. 1.

⁶⁸ *The Malay Mail*, 12 June 1952, hlm. 5.

⁶⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 18 August 1952, hlm. 7.

⁷⁰ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 140-141.

⁷¹ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education In Malaya, 1945-1961*, hlm. 32-33. Lihat juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 124. Angka ini meningkat kepada lebih 60 sekolah kampung baru di Perak dengan lebih kurang 140,000 pelajar pada Mac 1952. *Straits Echo & Times of Malaya*, 11 March 1952, hlm. 3.

⁷² *The China Press*, 29 November 1952, hlm. 3. Rujuk juga Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 399.

⁷³ *Sing Pin Jih Pao*, 1 January 1953, hlm. 13. Lihat juga Communication From The Chair-Address By His Excellency The High Commissioner, hlm. 38, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council.

⁷⁴ *Kin Kwok Daily News*, 6 February 1953, hlm. 3.

⁷⁵ *The Straits Times*, 2 March 1953, hlm. 5.

⁷⁶ *The Straits Times*, 2 January 1953, hlm. 7.

⁷⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 1 January 1954, hlm. 17; H.E. The High Commissioner's Address To The Legislative Council To Be Delivered on 25th November 1953, hlm. 14-15, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council; Annual Report To Parliament 1954/1955, dalam C.O. 1030/215/FED93/52/03, South-East Asia Department's Contribution

To Secretary of State's Annual Report (Federation of Malaya & Singapore), hlm. 111-112; Appendix A, Comments of The Federal Government on The Report of The Special Committee on Educational Policy, dalam C.O. 1030/51/FED23/246/01/Part C, Educational Development, Federation of Malaya, hlm. 269; H.E. The High Commissioner's Address To The Legislative Council To Be Delivered on 25th November, 1953, hlm. 14-15, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council; *Sin Chew Jit Poh*, 1 January 1954, hlm. 17. Angka ini meningkat kepada 66,263 pada Disember 1953. Ini termasuklah 51,854 pelajar Cina, 4,001 pelajar Melayu, 348 pelajar India dan 60 bangsa lain. Education In The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission To Malaya, hlm. 24, dalam C.O. 1030/52/FED23/246/01, Appendix A, Educational Development Federation of Malaya.

⁷⁸ Inward Telegram To The Secretary of State For The Colonies From Federation of Malaya (Sir D MacGillivray), 12th March 1955, dalam C.O. 1030/277/FED125/1/01, New Villages In The Federation of Malaya, hlm. 21.

⁷⁹ Ulu Selangor District News Letter No. 4, dalam Fail Pejabat Daerah Pekan, Pahang, D.O. Pekan 36/52, Emergency Leaflets Issued By Information Department.

⁸⁰ *Federation of Malaya Annual Report 1954*, hlm. 214.

⁸¹ *Sin Chew Jit Poh*, 17 September 1952, hlm. 7; *The Malay Mail*, 12 June 1952, hlm. 5. Pengambilan nama sekolah kampung baru sempena nama tempat letaknya sekolah berkenaan turut dinyatakan dalam No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 14, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 14, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatter In Malaya.

